

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوْنِقْ رَسِيْقِي تِيكُوْ لُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (SARAWAK)
JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

JAMIL BIN HAMALI

KETUA UNIT KUALITI :

YUSSRI B SAWANI

PENYELARAS :

YUSSRI B SAWANI

PENULIS :

1. YUSSRI B SAWANI
2. ROSLING BINTI JEMIRON
3. LENNY YUSRINA BINTI BUJANG KHEDIF
4. MUHAMMAD NAZMI BIN NAZARUDIN
5. SERAH BINTI HJ JAYA
6. NOOR SHIMA BINTI ANTONY
7. ABANG HAMIZAM BIN ABANG MOHAR

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCS menggunakan perancangan strategik sebagai perancangan induk dalam memastikan teras strategik universiti dicapai. Perancangan dibuat di semua peringkat pengurusan. Bermula dengan penetapan teras iaitu **Global Excellence** yang berkaitan dengan BT, perancangan dibuat berpandukan objektif strategik (OS-02, OS-04, OS-07 dan OS-08) dalam menjalankan inisiatif-inisiatif strategik yang telah berjaya memberi hasil berimpak tinggi dalam BT jaringan industri. Perancangan juga dibuat di peringkat bahagian di mana setiap bahagian membuat perancangan pelan tindakan yang terperinci bagi setiap inisiatif strategi BT. UiTMCS melibatkan semua peringkat pengurusan dalam membuat perancangan. Input dari semua peringkat amat penting supaya perancangan dibuat dengan lebih teliti dalam memastikan ianya dapat dicapai. Risiko tidak mencapai sasaran dapat dikurangkan setelah segala kekuatan, kekurangan, peluang dan ancaman dikenal pasti dalam membuat perancangan pelan tindakan inisiatif strategik dalam BT. Langkah-langkah mitigasi untuk mengurangkan risiko juga dikenal pasti. Dalam memastikan pelan tindakan yang dirancang dapat mencapai objektif strategik (OS), UiTMCS sentiasa memastikan ianya sentiasa relevan melalui proses semak-semula pelan tindakan secara berkala.

UiTMCS sentiasa menekankan kepentingan komunikasi dalam melaksanakan perancangan strategik dalam BT. Langkah pertama adalah dengan menyebarkan luas perancangan strategik secara menyeluruh kepada semua warga. Ini boleh memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai halatuju UiTMCS di kalangan warga. Oleh itu, dengan pemakluman yang disebarkan luas warga dapat memahami peranan mereka dalam menjayakan perancangan strategik UiTMCS. Seterusnya, pengurusan UiTMCS telah menyampaikan perancangan strategik secara khusus kepada ketua-ketua bahagian/unit. Setiap bahagian/unit telah menjalankan beberapa inisiatif untuk mencapai objektif strategik dalam BT seperti di dalam pelan tindakan strategik yang dirancang setiap tahun. Bahagian PJI dan Bahagian HEP menjadi tunjang perlasanaan pelan strategik berkaitan dengan jaringan industri.

Pemantauan pelaksanaan inisiatif dan pelan tindakan strategik UiTMCS dibuat dengan efektif dan efisien. Pemantauan dibuat di semua peringkat pelaksanaan secara berkala bagi memastikan permasalahan pencapaian prestasi dapat dikenal pasti di peringkat awal. Pendekatan pemantauan ini telah membolehkan UiTMCS mengenal pasti masalah serta membuat tindakan pembetulan dan penambahbaikan di peringkat awal. Pemantauan dibuat di peringkat pelaksana melalui pelaporan berkala secara bulanan di peringkat bahagian. Seterusnya, di peringkat pengurusan pula, pemantauan dibuat setiap bulan melalui pelaporan prestasi bahagian di dalam MPE dan MPD. Selain dari itu, setiap bahagian menjalankan midyear review pelan tindakan strategik bagi menilai pencapaian serta mengkaji semula pelan tindakan strategik. Perubahan dibuat sekiranya terdapat masalah dalam pelan tindakan dan tindakan penambahbaikan dijalankan bagi memastikan inisiatif strategik dapat dijalankan dengan lancar dan mencapai objektif strategik. Tambahan pula, pemantauan juga dibuat melalui aduan maklum balas pelanggan yang telah diterima. Dapatan dari aduan maklum balas pelanggan ini dianalisis bagi mengenal pasti punca permasalahan dan terus dikomunikasikan kepada pegawai bertanggungjawab untuk diteliti.

UiTMCS mengamalkan pendekatan yang reaktif dan responsif terhadap hasil dapatan pemantauan pelaksanaan inisiatif perancangan strategik. Arahan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibuat terus kepada pegawai bertanggungjawab melalui arahan tindakan di dalam MPD. Pelaporan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibuat terus kepada penyelia bagi membolehkan penilaian tindakan dibuat dengan segera. Selain dari arahan tindakan melalui MPD, UiTMCS juga mengamalkan tindakan segera yang boleh diambil oleh pegawai bertanggungjawab tanpa menunggu kelulusan peringkat tinggi bagi tindakan-tindakan yang tidak melibatkan polisi atau komitmen sumber tambahan.

Kesimpulannya, dalam memastikan memastikan keberhasilan BT sentiasa relevan dalam

membantu mencapai halatuju universit dan negara, kepimpinan UiTMCS komited dalam memastikan setiap proses PDCA dibuat dengan sistematik, dinamik dan responsif.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM telah menggariskan tiga teras strategik iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berasaskan nilai malam merealisasikan UiTM menjadi sebuah universiti bertaraf global pada tahun 2025. Sehubungan itu, kepimpinan UiTMCS menggunakan kaedah secara menyeluruh dan sistematik dengan menjalankan program secara berstruktur dalam penyediaan pelan tindakan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif jaringan industri bagi memastikan teras-teras tersebut dapat dicapai.

Strategi jangka panjang yang dibangunkan di UiTM Sarawak diformulasikan berpandukan kepada PS 2016-2020 untuk inisiatif tahun 2019 dan disemak semula berpandukan kepada PS 2020-2025 bagi inisiatif tahun 2020. Pelan tindakan dibuat dengan mengambil kira, hala tuju dan garis panduan di peringkat kebangsaan, kementerian, kerajaan negeri serta universiti. Di antara garis panduan yang digunakan adalah Rancangan Malaysia Ke 11, Malaysia Higher Education Blueprint, Sarawak Digital Economy Strategy 2018-2022, Hala tuju Strategi RM Ke-11 UiTM (Rujuk Bukti 1).

Perancangan dirangka bagi menjadikan UiTMCS memainkan peranan yang berkesan dalam memberi perkhidmatan pendidikan demi mencapai peranan untuk Unleashing Potential Shaping the Future. Teras yang dipilih fokus kepada pencapaian jaringan industri adalah Global Excellence. Teras ini disokong dengan memastikan UiTMCS mencapai Objektif Strategi berikut:

1. To strengthen strategic alliance with alumni and industries (OS-8),
2. To champion impactful research through stronger research ecosystem (OS-7),
3. To provide world class education (OS-2), dan
4. To produce well-balanced entrepreneurial graduates who are globally competent (OS-4).

Hubung kait garis panduan, teras strategik dan objektif strategik adalah seperti diterangkan dalam Bukti 2. Objektif-objektif strategik ini telah membantu UiTMCS dalam menyediakan persekitaran kondusif bagi memperkasakan jaringan industri yang melibatkan pelbagai peringkat pengurusan. Inisiatif jaringan industri UiTMCS bersifat komprehensif melibatkan kerajaan, industri, golongan akademik, komuniti tempatan dan antarabangsa. Ini dapat membantu menyediakan perkhidmatan untuk menjadikan UiTMCS sebagai universiti tempatan bertaraf antarabangsa.

Kepimpinan kanan UiTMCS melaksanakan perancangan secara sistematik bagi memastikan inisiatif-inisiatif pencapaian jaringan industri dilaksanakan dengan lebih berkesan. Penglibatan secara langsung badan-badan kerajaan dan antarabangsa serta syarikat-syarikat swasta dalam aktiviti jaringan industri dapat memastikan peranan UiTMCS mencapai teras strategik .

Perancangan UiTMCS berpandukan kepada nilai **SARAWAK** yang dijiwai oleh seluruh warga dan menjadi teras kepada pencapaian kecemerlangan UiTMCS. Budaya ini menekankan penglibatan warga dengan sokongan sistem tadbir urus yang berkualiti dan berakuntabiliti dalam mencapai visi dan misi universiti. Ianya bermatlamat ke arah sebuah kampus lestari yang bersatu melalui kesepaduan hubungan dalam kalangan warga universiti dan komuniti. Nilai ini membantu menjadikan UiTMCS sebuah universiti pintar yang berkeupayaan

mengadaptasi tuntutan dan cabaran melalui kebijaksanaan, keaslian dengan nilai kasih sayang. Kepimpinan kanan sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan inisiatif jaringan industri dapat menjadikan UiTMCS berperanan penting untuk melestarikan penglibatannya bagi mencapai hala tuju negara (Rujuk Bukti 3).

Kepimpinan UiTMCS juga mempunyai Pelan Penggantian yang bersifat dinamik dan proaktif dengan memberi peluang dan ruang kepada staf-staf baru dari pelbagai fakulti yang berpotensi untuk diberi pendedahan kepada pihak luar dalam mengukuhkan jaringan industri. Mereka didedahkan secara hands on bersama pengurusan atasan sebagai mentor untuk dilatih mendapatkan kolaborasi dengan pihak industri dan agensi-agensi kerajaan. Rektor juga memberi pendedahan kepada Timbalan-timbalan Rektor untuk menjadi pengerusi ganti dalam mesyuarat-mesyuarat pengurusan. Penekanan dibuat dalam memantapkan kemahiran komunikasi, pengurusan sumber dan bekerja dalam kumpulan. Contohnya, pengurusan UiTMCS telah membawa bersama pelapis semasa membuat kunjungan hormat dengan Ketua Menteri Sarawak (Rujuk Bukti 4).

Kepimpinan UiTMCS telah menjalankan secara aktif inisiatif-inisiatif perancangan strategik dalam menjayakan BT. Penekanan inisiatif yang berkaitan dengan BT adalah kolaborasi melalui MoU dan MoA melibatkan pelajar, pemberian geran penyelidikan dan aktiviti/projek yang memberi manfaat kepada komuniti dari segi ekonomi dan sosial (Rujuk Bukti 5).

Kepimpinan UiTMCS mempertanggungjawabkan Timbalan Rektor PJI , Timbalan Rektor HEP dan Timbalan Rektor HEAA dalam memastikan inisiatif-inisiatif dirancang, dilaksana dan dipantau petunjuk prestasinya. Pengurusan UiTMCS sentiasa menjalankan pemantauan pencapaian dan penambahbaikan secara berterusan untuk memastikan pelaksanaan pelan inisiatif jaringan industri berjalan dengan baik.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 1.2.pdf](#)
2. [BUKTI 2 1.2.pdf](#)
3. [BUKTI 3 1.2.pdf](#)
4. [BUKTI 4 1.2.pdf](#)
5. [BUKTI 5 1.2.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Di dalam melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang dirancang oleh pengurusan UiTMCS, faktor utama yang dititikberatkan adalah sistem komunikasi dan layanan kepimpinan kepada warga kampus yang berkesan. Tempoh 2020 merupakan satu tempoh yang mencabar ekoran dari bermulanya pandemik Covid 19. Kepimpinan UiTMCS telah memberikan layanan yang baik kepada staf dalam menghadapi pandemik ini. Dapatan dari kajian Happiness Index terhadap kepimpinan telah menunjukkan score yang tinggi terhadap tahap kepercayaan pimpinan kepada staf dan sokongan dalam memotivasikan staf untuk bekerja dengan penuh kreativiti (Rujuk Bukti 1).

Kepimpinan UiTMCS telah secara aktif dalam tahun 2019 dan 2020 melalui OIA (Office of International Affairs) menandatangani beberapa MoU dan MoA bersama industri dan institusi pendidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Semua MoU/MoA UiTM yang telah mendapat kelulusan akan ditandatangani oleh Naib Canselor UiTM atau pegawai yang diperturunkan kuasa oleh Naib Canselor UiTM. Penyediaan dokumen MoU/MoA adalah tanggungjawab PTJ dengan pihak industri dengan menggunakan format yang disediakan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang UiTM. Pihak PTJ dan industri perlu memasukkan setiap butiran yang telah dipersetujui bersama ke dalam dokumen MoU/MoA.

Di antara MoU yang telah ditandatangani adalah bersama Sarawak Energy Berhad (SEB), The Halal Academy-Escuela Halal (Spain), Ningxia Medical University (China), The Government of Sarawak dan Profesional Mutawwif Development Sdn Bhd (Rujuk Bukti 2). Melalui MoU dan MoA ini beberapa aktiviti penyelidikan, kemasyarakatan dan pendidikan telah dijalankan dengan jayanya pada tahun 2019 dan 2020. Di antara aktiviti yang berimpak tinggi adalah melalui program STEM dan SIIDEX yang dijalankan bersama agensi-agensi kerajaan negeri Sarawak.

Kepimpinan UiTMCS juga melalui Unit Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN), Unit Pusat Transformasi Komuniti Universiti (PTKU)/University Community Transformation Centre (UCTC) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dipertanggungjawabkan untuk menjalankan program-program kemasyarakatan bersama industri yang melibatkan staf, pelajar dan juga komuniti setempat (Rujuk Bukti 3). Unit ICAN UiTMCS memainkan peranan yang amat penting dalam menjalankan inisiatif kolaborasi bersama jaringan industri, universiti, badan-badan kerajaan dan alumni yang memberi kepentingan bersama. Sementara itu, UCTC memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan dan memperkasa jaringan strategik bersama rakan komuniti serta menggalakkan program berimpak tinggi dengan penjimatan kos melalui pemindahan ilmu hasil penglibatan pelbagai kepakaran dan kemudahan sama ada dalam atau luar universiti.

Pengurusan UiTMCS juga mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan negeri Sarawak melalui penglibatan pengurusan atasan di dalam jawatankuasa peringkat negeri. Contohnya, Rektor UiTMCS merupakan Presiden Invention and Design Association of Sarawak (IDEAS), Ketua Penilai untuk Sarawak Chief Minister's Key Focus Activity Award 2019. Timbalan Rektor PJI juga dilantik sebagai juri kenaikan pangkat kakitangan Kerajaan Negeri Sarawak. Hubungan yang baik ini telah banyak membantu UiTMCS menyerlahkan keupayaannya dan seterusnya dapat menjalankan beberapa projek kolaborasi bersama agensi kerajaan negeri sepanjang tahun 2019 hingga 2020. Selain dari itu, kepimpinan UiTM juga menggalakkan staf untuk melibatkan diri dalam menyumbang kepakaran kepada komuniti dan agensi kerajaan negeri serta di peringkat antarabangsa (Rujuk Bukti 4).

Kepimpinan UiTM menyebarluas PS kepada semua warga secara bersistematik melalui majlis amanat rektor, perjumpaan bersama pensyarah,retreat bahagian, mesyuarat pengurusan dalaman dan mesyuarat pengurusan eksekutif. Kepimpinan juga menyalurkan maklumat pelaksanaan pelan tindakan melalui media sosial seperti Facebook Rektor dan Facebook Rasmi UiTMCS.(Rujuk Bukti 5)

SENARAI BUKTI :

1. [Area 1.3_Bukti 1.pdf](#)
2. [Area 1.3_Bukti 2.pdf](#)
3. [Area 1.3_Bukti 3.pdf](#)
4. [Area 1.3_Bukti 4.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan UiTMCS mempunyai sistem pemantauan pencapaian perancangan strategik yang berstruktur dan berkesan. Kepimpinan UiTMCS mempraktikkan komunikasi yang konsisten dan berkala dengan pegawai bertanggungjawab bagi menjamin pemantauan program-program jaringan industri agar mencapai sasaran prestasi ditetapkan. Semua pegawai bertanggungjawab juga dikehendaki sentiasa berkomunikasi dengan institusi luar yang berkolaborasi bersama dalam inisiatif yang dijalankan (Rujuk Bukti 1). Pendekatan pemantauan seperti ini dapat memastikan inisiatif dijalankan dengan teratur seperti yang direncanakan. Segala perubahan kaedah pelaksanaan dan sasaran dikomunikasikan dengan sempurna kepada kepimpinan UiTMCS agar dapat diselaraskan semula mengikut halatuju universiti. Komunikasi dua-hala dan interaktif ini membantu UiTMCS dalam memastikan aktiviti dan program jaringan industri agar lebih realistik, berkesan dan cekap.

Perancangan strategik UiTMCS bersifat dinamik dan adaptif. Setiap awal tahun perancangan strategik UiTM akan membuat pelan tindakan dalam memastikan inisiatif-inisiatif yang dirancang masih lagi relevan dalam membantu mencapai objektif strategi. Selain itu, bengkel semak semula perancangan strategik telah dijalankan melibatkan semua Ketua Bahagian, Ketua Pusat Pengajian dan Ketua Unit bertujuan untuk memberi input kaji semula perancangan strategik. Kepimpinan UiTMCS bertanggungjawab menilai dan memastikan inisiatif perancangan strategik disemak semula agar bersesuaian dengan teras strategik universiti (Rujuk Bukti 2).

Pelaporan pencapaian petunjuk prestasi setiap bahagian dilaporkan setiap bulan dalam mesyuarat pengurusan dalaman UiTMCS bagi memastikan inisiatif yang dirancang dilaksanakan. Koordinator Unit Perancangan strategik memastikan setiap bahagian memberi input pencapaian prestasi strategik masing-masing di dalam sistem UePMO dan KPIS. KPIS merupakan aplikasi atas talian berkaitan pencapaian prestasi yang dibangunkan oleh UiTMCS sendiri dan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan dalaman. Prestasi yang tidak mencapai sasaran ditekankan dalam pelaporan (Rujuk Bukti 3). Peringatan secara konsisten juga telah dijalankan agar data yang dilaporkan adalah terkini dan boleh mengelakkan dari maklumat yang tertinggal (under reporting). Rektor UiTMCS selaku pengerusi mesyuarat menekankan keperluan justifikasi prestasi yang tidak mencapai sasaran diteliti dan langkah-langkah pembetulan dan penambahbaikan dilaksanakan oleh pegawai bertanggungjawab. Sekiranya ada perubahan perencanaan yang melibatkan polisi, perkara tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Eksekutif untuk dibincang dan diluluskan sebelum dilaksanakan (Rujuk Bukti 4).

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1_1.4.1.pdf](#)
2. [Bukti 2_1.4.1.pdf](#)
3. [Bukti 3_1.4.1.pdf](#)
4. [Bukti 4_1.4.1.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCS mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang dipengerusikan oleh Rektor. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengurus risiko berupa ancaman serta kekangan yang boleh menyebabkan kegagalan untuk mencapai visi dan misi universiti. Pengurusan risiko UiTMCS merupakan satu proses menyeluruh melibatkan semua peringkat. Ia merangkumi proses mengenal pasti insiden yang mungkin atau akan berlaku serta tindakan kawalan yang dilaksanakan agar dapat memberi jaminan munasabah ke arah pencapaian objektif UiTMCS. Jawatankuasa ini berperanan dalam mendaftar risiko, menyelaraskan aktiviti pengurusan risiko, memantau serta mengenal pasti langkah-langkah kawalan risiko. Sepanjang tempoh pandemik Covid-19, UiTMCS telah menilai semula risiko pengoperasian UiTMCS bagi mengurangkan impak dari pandemik. Beberapa pendekatan langkah mitigasi dan tindakan telah dijalankan oleh UiTMCS dalam menangani isu pandemik. Contohnya, penubuhan jawatankuasa keselamatan di peringkat kampus yang operasinya diselaraskan dengan Jawatankuasa Bencana Negeri Sarawak (Rujuk Bukti 1).

Kepimpinan kanan UiTMCS melaksanakan pengurusan risiko dengan menentukan jangkaan insiden yang berkemungkinan boleh berlaku serta mengenal pasti tindakan kawalan yang boleh dilakukan dalam mengurangkan risiko insiden tersebut. Ini membantu pencapaian objektif projek jaringan industri yang telah ditetapkan. Bengkel semak semula perancangan strategik yang dijalankan juga dijadikan saluran dalam menilai risiko sesuatu inisiatif perancangan strategik terutama yang berkaitan dengan BT (Rujuk Bukti 2). Pengurusan risiko bagi setiap inisiatif yang dicadangkan oleh pegawai bertanggungjawab dibincang dan diperhalusi meliputi penetapan risiko, tahap risiko serta langkah-langkah mitigasinya. Perkara ini dibincang di peringkat dalaman serta bersama kolaborator (Rujuk Bukti 3).

Risiko sesuatu inisiatif dinilai dari segi impaknya kepada UiTMCS. Beberapa aspek telah dikenal pasti iaitu risiko strategi, operasi, kewangan, projek, reputasi serta perundangan. Penilaian risiko dibuat di berbagai peringkat, bermula dari penetapan inisiatif strategik sehingga penyediaan kertas kerja kelulusan projek. Perbincangan berkaitan risiko ini dibuat di peringkat UiTMCS dan juga bersama kolaborator (Rujuk Bukti 3).

Tahap impak bagi setiap kategori risiko yang dikenal pasti dinilai dan dikategorikan dalam tiga (3) tahap iaitu Tahap Rendah, Sederhana dan Tinggi. Risiko Tahap Rendah, langkah mitigasi dijalankan dengan prosedur kawalan dalaman melalui prosedur kerja yang sedia ada. Risiko bertahap sederhana, langkah mitigasi dijalankan oleh pegawai yang bertanggungjawab di peringkat bahagian atau unit. Risiko tahap tinggi pula langkah mitigasi perlu dibuat secara menyeluruh di semua peringkat termasuk di peringkat pengurusan atasan yang memerlukan pengwujudan polisi dalam menangani risiko tersebut (Rujuk Bukti 4).

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1_1.4.2.pdf](#)
2. [Bukti 2_1.4.2.pdf](#)
3. [Bukti 3_1.4.2.pdf](#)
4. [Bukti 4_1.4.2.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses mengkaji semula yang paling utama adalah melalui proses retreat perancangan strategik yang diadakan pada setiap awal tahun. Retreat ini membentangkan pencapaian prestasi perancangan strategik UiTMCS secara menyeluruh melibatkan Kampus Samarahan 1, Kampus Samarahan 2 dan juga Kampus Mukah (Rujuk Bukti 1). Pencapaian prestasi strategik dibentangkan oleh setiap bahagian dan unit yang dipertanggungjawabkan. Pembentangan pencapaian prestasi bidang tumpuan dibentangkan oleh Timbalan Rektor PJI dan Timbalan Rektor HEP yang melibatkan aktiviti-aktiviti jaringan industri. Beberapa strategi telah disemak semula dan penambahbaikan inisiatif telah diperbaharui bagi menepati teras baharu UiTM serta diselaraskan dengan Hala tuju Pendidikan Negara di dalam Malaysia Higher Education Blueprint dan hala tuju kerajaan negeri melalui Sarawak Digital Economy Strategy 2018-2022 (Rujuk Bukti 2).

Di peringkat pelaksanaan inisiatif bidang tumpuan, data pencapaian dikumpul dan dianalisis di peringkat bahagian yang dibentangkan di dalam mesyuarat pengurusan bahagian. (Rujuk Bukti 3) Seterusnya dapatan dari analisis pencapaian prestasi dibentangkan dan dibincangkan di dalam mesyuarat pengurusan tertinggi seperti mesyuarat pengurusan eksekutif dan mesyuarat pengurusan dalaman. Di dalam mesyuarat ini ketua-ketua bahagian mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan yang dijalankan serta mendapatkan kelulusan mesyuarat secara kolektif bagi langkah-langkah penambahbaikan yang melibatkan perubahan polisi atau komitmen kewangan tambahan (Rujuk Bukti 3).

Kepimpinan UiTMCS juga memerlukan semua data dianalisis dan perbandingan dibuat dengan melakukan tanda aras organisasi lain di dalam dan luar negara seterusnya membawa amalan terbaik organisasi tersebut untuk diguna pakai dan diadaptasikan di UiTMCS. Penandaarasan dibuat secara fizikal dan juga secara maya (Rujuk Bukti 4). Selain dari itu kepimpinan UiTMCS juga memaklumkan kepada ketua-ketua bahagian dan unit mengenai dapatan atau saranan yang mereka dapati semasa menghadiri mesyuarat-mesyuarat di peringkat UiTM dan juga bersama kerajaan negeri. Saranan-saranan ini dikomunikasikan dengan sempurna melalui mesyuarat bersama ketua bahagian dan ketua unit. Delegasi tugas ditentukan semasa mesyuarat untuk tindakan pihak yang berkenaan (Rujuk Bukti 5).

Dapatan dari analisis pencapaian prestasi strategi yang disemak semula dan segala cadangan penambahbaikan dilakukan setelah membuat analisis terhadap kekuatan, kekurangan, peluang dan juga risiko yang bakal dihadapi (Rujuk Bukti 5). Segala kekurangan dan halangan dikenal pasti bagi membolehkan cadangan penambahbaikan serta perubahan inisiatif strategi dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 1.4.3.pdf](#)
2. [BUKTI 2 1.4.3.pdf](#)
3. [BUKTI 3 1.4.3.pdf](#)
4. [BUKTI 4 1.4.3.pdf](#)
5. [BUKTI 5 1.4.3.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Langkah utama yang dititikberatkan oleh kepimpinan UiTMCS dalam memastikan objektif dan inisiatif strategi dicapai adalah dengan melaksanakan komunikasi yang berkesan melibatkan pelbagai peringkat warga UiTMCS. Sesi Amanat Rektor dijalankan setiap awal tahun yang dihadiri oleh semua warga UiTMCS bagi menyalurkan kepada seluruh warga UiTMCS mengenai hala tuju UiTM dan UiTMCS sejajar dengan teras-teras strategi. Pemakluman ini membolehkan seluruh warga kampus melihat peranan dan komitmen yang mereka boleh berikan dalam membantu mencapai objektif strategi. Program ini juga dihadiri oleh kumpulan pelajar yang sama-sama terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu mencapai objektif dan inisiatif strategi UiTMCS. Hala tuju ini juga disalurkan melalui mesyuarat dan perjumpaan bersama staf (Rujuk Bukti 1).

Manakala, di peringkat pelaksanaan pula inisiatif-inisiatif strategi disampaikan kepada ketua-ketua bahagian melalui Unit Perancangan Strategi. Unit ini memberikan taklimat kepada kepimpinan atasan UiTMCS mengenai teras strategi, objektif strategi dan inisiatif strategi yang telah dipertanggungjawabkan. Kepimpinan atasan UiTMCS juga memastikan perancangan strategi dimaklumi dan dihayati oleh semua warga bagi mendapatkan komitmen mereka dalam menjayakan inisiatif-inisiatif strategi. Ketua-ketua bahagian telah menjalankan beberapa retreat di peringkat bahagian untuk mengatur strategi pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategi dalam BT (Rujuk Bukti 2).

Kepimpinan UiTMCS juga secara aktif membuat pemantauan terhadap pencapaian inisiatif-inisiatif strategi. Proses pemantauan dibuat setiap bulan. Koordinator Unit Perancangan Strategik mengarahkan semua ketua-ketua bahagian untuk melaporkan petunjuk prestasi dan dibentangkan di dalam MPD. Setelah pembentangan, status pencapaian dianalisis dan Rektor selaku pengerusi mesyuarat akan mendapatkan justifikasi ketidakcapaian dari pegawai bertanggungjawab serta mengenal pasti langkah tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Pemantauan ini dibuat secara kerap bagi memastikan masalah tidak berterusan dan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dilakukan di peringkat awal (Rujuk Bukti 3).

UiTMCS juga berinovasi dalam operasi dan penyampaian perkhidmatan. Kepemimpinan UiTMCS mengamalkan dasar **3J** (Jana, Jimat dan Jariah) dalam memantapkan pengurusan kewangan. Konsep jariah tidak hanya berbentuk bantuan ekonomi sahaja tetapi juga melibatkan sedekah ilmu yang dijalankan oleh warga UiTMCS kepada komuniti. (Rujuk Bukti 4) Dasar ini mengutamakan prinsip penjanaan pendapatan, penjimatan perbelanjaan serta mengamalkan nilai jariah dalam menjayakan inisiatif BT. Prinsip ini selari dengan hala tuju UiTMCS untuk menjadi sebuah institusi pendidikan yang diurus dengan cekap dan berkesan serta prihatin dengan kebajikan pemegang taruh melalui projek-projek jaringan industri (Rujuk Bukti 4). Sistem **KPIS** juga telah dibangunkan untuk mengurus perancangan strategik di peringkat kampus merangkumi proses pengumpulan data, pelaporan serta pemantauan prestasi perancangan strategik.

SENARAI BUKTI :

1. [Area 1.5 Bukti 1.pdf](#)
2. [Area 1.5 Bukti 2.pdf](#)
3. [Area 1.5 Bukti 3.pdf](#)
4. [Area 1.5 Bukti 4.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCS sedang pesat berkembang dari pelbagai aspek yang berorientasi kepada pencapaian peringkat antarabangsa. Selari dengan ini, perancangan strategik (PS) UiTMCS diurus secara sistematik untuk menyokong perkembangan tersebut. Model Perancangan Strategik (PS) UiTMCS adalah aspirasi dan diadaptasi daripada model Perancangan Strategik (PS) UiTM Induk - UiTM 2021-2025. Kerangka strategik mengambil kira dasar dan perancangan di peringkat universiti dan nasional beserta trend global semasa. Proses retreat perancangan strategik yang diadakan pada awal tahun bertujuan untuk menyemak pencapaian prestasi dan menambah baik strategi dan inisiatif bagi menepati teras baharu UiTM.

Pelan Tindakan Strategik (*Strategic Action Plan*) 2020 adalah hasil daripada retreat tersebut yang mengoperasikan PS UiTMCS bagi tahun 2020. Sehubungan dengan itu, aspek BT, kecemerlangan global didokong oleh empat (4) objektif strategik dan empat (4) strategi telah dikenal pasti sebagai platform selari dengan keputusan 8 inisiatif yang telah dipilih.

Operasi pelaksanaan PS dibincangkan dalam Retreat PS di mana inisiatif-inisiatif strategi dan petunjuk prestasi diagihkan kepada bahagian berdasarkan fungsi masing-masing. *Strategic Action Plan* (SAP) memainkan peranan sebagai dokumen komitmen ketua bahagian dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dijalankan. Selain daripada itu, ianya juga merupakan mekanisme pengagihan inisiatif serta petunjuk prestasi diselarikan dengan akauntabiliti bahagian dalam pelaksanaan dan pencapaian inisiatif-inisiatif di antara bahagian dan unit dalaman UiTMCS. Kepimpinan PJI memastikan segala perancangan strategi, inisiatif dan petunjuk prestasi dimaklumkan kepada semua pemegang taruh dalam bahagian dan unit untuk mendapatkan komitmen bagi menjayakan inisiatif-inisiatif strategi BT. Ini dilakukan melalui mesyuarat dwi bulanan bahagian PJI. Bagi inisiatif strategi dalam BT, ketua-ketua bahagian telah menjalankan retreat di peringkat bahagian masing-masing untuk mengatur inisiatif strategi pelaksanaan.

Keberkesanan inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh PJI diukur melalui pencapaian 6 petunjuk prestasi. Pemantauan petunjuk prestasi jaringan industri dilakukan secara kolektif melalui mekanisme retreat PS, pemantauan dalam talian dan pelaporan. Dalam retreat, Timbalan Rektor PJI (TR PJI) membentangkan pencapaian petunjuk prestasi, hasil daripada strategi dan inisiatif yang dilaksanakan. Perbincangan menyeluruh dilakukan untuk mencapai keputusan kolektif dalam penyemakan semula inisiatif yang sedia ada agar bersesuaian dengan teras strategik universiti.

Sistem *Key Performance Indicator System* (KPIS) yang dibangunkan secara dalaman memberi peluang kepada Ketua Bahagian Jaringan Industri dan Koordinator Latihan Industri membuat pemantauan secara dalaman talian dan mengukur pencapaian petunjuk prestasi hasil daripada pelaksanaan inisiatif. Selain daripada itu, mereka turut mengambil tindakan pembetulan (jika perlu) bagi memastikan sasaran KPI dapat dicapai. Sistem ini disokong oleh *University Electronic Program Management Office* (UePMO), yang memantau pencapaian projek secara bulanan dan dipantau oleh Koordinator Perancangan Strategik.

Melalui sistem KPIS dan UePMO, laporan pencapaian petunjuk prestasi dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang dijalankan akan dijana, dibentang dan dibincang dalam MPD. Tujuan laporan adalah untuk memaklumkan pencapaian petunjuk prestasi BT, selain memastikan isu-isu yang timbul dapat diatasi. Selain itu, laporan dalaman bahagian PJI yang dihasilkan secara bulanan bertujuan untuk memastikan semua inisiatif berjalan dengan lancar mengikut perancangan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Model Perancangan Strategik (PS) UiTMCS adalah aspirasi yang diadaptasi daripada Model Perancangan Strategik (PS) UiTM Induk. Kerangka strategik mengambil kira dasar dan perancangan di peringkat universiti dan kebangsaan beserta trend global semasa. Di antara input yang kritikal adalah kajian semula Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM, Pencapaian Prestasi UiTM 2016-2019, Analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman (SWOT), *Malaysian Education Blueprint 2015 -2025* (Pendidikan Tinggi) dan Dasar Industri 4.0.

Perancangan UiTM 2020-2025 dirangka untuk UiTMCS memainkan peranan yang berkesan dalam mencapai matlamat *Unleashing Potential Shaping the Future*. Teras yang dipilih memfokuskan kepada pencapaian Jaringan Industri adalah teras *Global Excellence*. Teras ini disokong oleh Objektif Strategik seperti berikut:

- *To strengthen strategic alliance with alumni and industries(OS-8),*
- *To champion impactful research through stronger research ecosystem (OS-7),*
- *To provide world class education (OS-2) dan*
- *To produce well-balanced entrepreneurial graduates who are globally competent (OS-4).*

Dalam mencapai objektif strategik, 4 strategi dikenal pasti sebagai platform dalam menentukan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian dengan BT. Inisiatif jaringan industri yang melibatkan pelbagai peringkat pengurusan dinyatakan seperti berikut:

- *Synergising the previously identified six (6) Community of Research (CoRe) priority areas aligned with the Sustainable Development Goals (SDGs) in a conducive ecosystem.*
- *Strengthening strategic alliance with alumni and industries through strategic partnerships with top industry players and prestigious world academic institutions.*
- *Enhancing commercialisation by promoting UiTM as the heart of excellence and recognition by the Malaysian government and industry.*
- *Strengthening UiTM student global mindset, instilling values and increasing learning experience.* (Rujuk Bukti 1)

Berpandukan kepada 4 strategi utama tersebut, 8 inisiatif BT dikenal pasti: (Rujuk Bukti 2)

- *BITCom Project with Communities/Industries*
- *Translational Research Development, Innovation and Commercialisation (TRDIC) with national, International and Industries partner*
- *Translational Research Development, Innovation and Commercialisation (TRDIC) - collaboration projects*
- *Collaborating and networking with international programmes*
- *Conducting programs (seminars/workshops) with local communities, hold programs/seminars with faculty-led communities, apply funding for KTP programs from relevant agencies and representatives, and organize programs/knowledge transfer for the local community in entrepreneurship, tourism and leadership*
- *Product, Idea and Innovation Showcase (PRIDE)*
- *Sarawak Invention, Innovation, & Design Expo (SIIDEX)*
- *Strengthening internship programmes with multinational corporations*

Retreat PS UiTMCS telah diadakan pada awal tahun di Lundu, Kuching (2019) dan di Sabah (2020) bertujuan untuk membentangi pencapaian PS UiTMCS secara menyeluruh (Rujuk Bukti 3). TR PJI telah membentangi pencapaian prestasi yang melibatkan inisiatif-inisiatif BT tersebut. Penambahbaikan inisiatif telah diperbaharui berpandukan kepada strategik objektif dan inisiatif yang ditentukan bagi menepati teras baharu UiTM selaras dengan hala tuju kerajaan negeri melalui Strategi Ekonomi Digital Sarawak 2018-2022 (Rujuk Bukti 4).

Dalam mengambil kira hala tuju dan keperluan negeri Sarawak, projek-projek hasil kolaborasi dengan agensi kerajaan negeri dan industri selari dengan agenda Strategi Ekonomi Digital Sarawak 2018-2022 telah dikenalpasti. MoU/MoA hasil kolaborasi dengan Kementerian

Pembangunan Perindustrian Usahawan Sarawak, Kerajaan Sarawak, Sarawak Research & Development Council dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Usahawan Sarawak adalah bertujuan untuk pembangunan sosio-ekonomi sejajar dengan agenda Strategi Ekonomi Digital Sarawak 2018-2022. Agenda pembangunan pelajar bersama industri juga dititikberatkan melalui kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak (MESTR) (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [UiTM Sarawak BUKTI 1 2.2.pdf](#)
2. [UiTM Sarawak BUKTI 2 2.2.pdf](#)
3. [UiTM Sarawak BUKTI 3 2.2.pdf](#)
4. [UiTM Sarawak BUKTI 4 2.2.pdf](#)
5. [UiTM Sarawak BUKTI 5 2.2.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCS sentiasa merujuk kepada Perancangan Strategik UiTM 2020-2025 yang merupakan kerangka strategik yang mengambil kira dasar dan perancangan di peringkat universiti kebangsaan dan antarabangsa. Dalam usaha mencapai status sebagai Universiti Tersohor menjelang tahun 2020, RMKe-11 UiTM telah menjadi rujukan utama iaitu menerusi pernyataan hala tuju strategik yang didokong oleh sasaran strategik; Aksesibiliti, Pendidikan Tinggi Berkualiti dan Graduan Dinamik (Rujuk Bukti 1).

Selari dengan itu, dua teras utama RMKe-11 UiTM telah dikenalpasti dalam merealisasikan hala tuju ini iaitu; (1) Academia Industri dan Masyarakat dan (2) Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan. Agenda utama termasuklah ekosistem inovasi, kemampunan kewangan, meletakkan UiTM di peta dunia, graduan holistik dan kecemerlangan bakat turut diambil kira. Pemetaan teras dan agenda utama dengan objektif dan inisiatif PS UiTM 2020 menunjukkan keselarian dan fokus dalam bidang tumpuan ke arah universiti tersohor menjelang 2020 (Rujuk Bukti 2).

Inisiatif berlandaskan kolaborasi bersama pihak industri merupakan agenda UiTMCS sejak 2016. Di peringkat antarabangsa, UiTMCS melalui MoU/MoA telah berkolaborasi dengan beberapa buah universiti antarabangsa seperti Universiti Perubatan Ningxia (China), Universitas Sebelas Maret (Indonesia), The Halal Academy-Escuela Halal dan St. Joseph College, Devagiri (India). Manakala di peringkat kebangsaan, kolaborasi diadakan dengan Profesional Mutawwif Development Sdn Bhd, STOMA Sdn. Bhd., Government of Sarawak, *Sarawak Research & Development Council* dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Usahawan Sarawak (Rujuk Bukti 3). Selain itu, melalui projek ERASMUS, UiTMCS telah dilantik untuk mengetuai projek InD4.0 yang dianggotai oleh 34 rakan dari benua Asia dan 19 dari Eropah dengan geran melebihi RM1.5 juta. Peningkatan geran penyelidikan dari RM245,000 pada 2016 secara konsisten hingga melebihi 3 juta pada tahun 2020 telah menunjukkan kemampuan UiTMCS dalam kemampunan kewangan dan membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan universiti. Inisiatif kolaborasi yang dijalankan merupakan pendekatan berkesan ke arah perkongsian ilmu, kemahiran dan amalan terbaik bersama industri dan juga komuniti. Inisiatif kolaborasi ini juga membantu meletakkan nama UiTM dan UiTMCS di peta dunia dalam memperkasakan ekosistem inovasi (Rujuk Bukti 4).

Inisiatif-inisiatif kolaborasi dengan Kerajaan Negeri Sarawak, Sarawak Research & Development Council dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Usahawan Sarawak dan projek antarabangsa ERASMUS, Jabatan Mufti Negeri Sarawak, dan Ventures Sdn. Bhd /Banana Tree Sdn. Bhd dan Doku Biotechnology Industries Sdn Bhd telah meningkatkan keupayaan dan kualiti proses industri. Selain itu, inisiatif projek seperti Transformasi Usahawan Desa (TUDS) di Sebuyau (2019), Penambahbaikan Bot Nelayan Untuk Eko Pelancongan, Pembangunan Homestay Sebuyau dan Kursus Pemandu Pelancong Tempatan merupakan projek komuniti yang telah berjaya meningkatkan taraf sosio-ekonomi di kawasan tersebut dan persekitarannya. Kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak (MESTR) dan *Sarawak Invention Innovation & Design Expo* (SIIDEx), secara berterusan dari tahun 2019 hingga 2020 menjadi platform kepada pelajar untuk melibatkan diri dengan industri dan komuniti (Rujuk Bukti 5).

Inisiatif-inisiatif PS 2020 UiTMCS melalui projek-projek yang dijalankan adalah sejajar dan telah membantu merealisasikan agenda utama RMKe 11 UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [UiTM Sarawak Bukti 2.3.1.pdf](#)
2. [UiTM Sarawak Bukti 2.3.2.pdf](#)
3. [UiTM Sarawak Bukti 2.3.3.pdf](#)
4. [UiTM Sarawak Bukti 2.3.4.pdf](#)
5. [UiTM Sarawak Bukti 2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Keberkesanan inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh UiTMCS melibatkan BT diukur melalui pencapaian 6 petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Pemantauan petunjuk BT melibatkan jaringan industri di UiTMCS dilakukan melalui mekanisme Bengkel, Pemantauan Atas Talian dan Pelaporan.

Perancangan strategik telah disemak semula ketika Retreat PS melalui strategi, inisiatif dan pencapaian petunjuk prestasi melibatkan semua kepimpinan kanan UiTMCS, Ketua Bahagian, Ketua Pusat Pengajian dan Ketua Unit. Dalam retreat tersebut, TR PJI telah membentangkan pencapaian petunjuk prestasi, hasil daripada strategi dan inisiatif yang dilaksanakan. Perbincangan menyeluruh dilakukan dalam mencapai keputusan kolektif untuk penyemakan semula inisiatif yang sedia ada agar bersesuaian dengan teras strategik universiti. Bengkel ini telah menghasilkan *Strategic Action Plan (SAP)* yang dilakukan pada awal tahun (Rujuk Bukti 1).

Sistem *Key Performance Indicator System (KPIS)* dibangunkan oleh UiTMCS secara dalaman bagi memantau inisiatif melalui petunjuk prestasi. Data pencapaian yang dimasukkan oleh ketua projek, memudahkan Ketua Bahagian Jaringan Industri dan Koordinator Latihan Industri memantau secara dalam talian pencapaian petunjuk prestasi hasil daripada pelaksanaan inisiatif dengan mengambil tindakan pembetulan (jika perlu) bagi memastikan sasaran KPI dapat dicapai. (Rujuk Bukti 2). Sistem *University Electronic Program Management Office (UePMO)* juga digunakan untuk memantau pencapaian projek secara bulanan. Pemantauan dilakukan oleh Koordinator Perancangan Strategik, Rektor Kampus dan pihak BTU. Setiap bahagian dikehendaki memberi input pencapaian prestasi masing-masing ke dalam sistem tersebut untuk tujuan pemantauan (Rujuk Bukti 3).

Melalui sistem KPIS dan UePMO, laporan pencapaian petunjuk prestasi dan pelaksanaan inisiatif yang dijalankan akan dijana, dibentang dan dibincang dalam MPD. Sistem ini juga membantu memastikan isu-isu yang timbul dapat diatasi lebih awal. Laporan Dalaman PJI diadakan secara bulanan memastikan semua inisiatif berjalan mengikut perancangan. Laporan pencapaian suku tahunan juga dilakukan oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU) Shah Alam dan perbincangan akan dihadiri oleh Rektor Kampus (Rujuk Bukti 4).

Komunikasi dengan institusi luar yang berkolaborasi dalam inisiatif BT juga dilakukan. Contohnya, projek penyelidikan *Samarahan Tourism Development Plan (STDP)* yang didaftar di dalam Sistem i-RES UiTM, dipantau oleh Unit RMU pada setiap enam (6) bulan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) serta Jawatankuasa Pemandu Projek (Rujuk Bukti 5).

Pendekatan pemantauan seperti ini dapat memastikan inisiatif dijalankan dengan teratur seperti yang dirancang. Ini membantu UiTMCS dalam memastikan aktiviti dan program jaringan industri dilaksanakan dengan sistematik, efisien, realistik, dan berkesan.

SENARAI BUKTI:

1. [UiTM Sarawak 2.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [UiTM Sarawak 2.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [UiTM Sarawak 2.4.1 BUKTI 3.pdf](#)
4. [UiTM Sarawak 2.4.1 BUKTI 4.pdf](#)
5. [UiTM Sarawak 2.4.1 BUKTI 5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko adalah satu proses yang kritikal memandangkan persekitaran semasa yang sangat dinamik. Jawatankuasa Pengurusan Risiko di bawah Bahagian Pentadbiran bertanggungjawab dalam memantau risiko dalam aspek operasi utama UiTMCS agar semua proses dapat dikawal dan diselia dengan baik. 2020 merupakan tahun yang mencabar ekoran bermulanya pandemik Covid-19. Inisiatif jaringan industri UiTMCS adalah tidak terkecuali dalam konteks melaksanakan MoU/MoA, hubungan dengan industri dan aktiviti berunsurkan mobiliti dan komuniti. Penilaian risiko dibuat bermula dari penetapan inisiatif strategik sehingga pelaksanaan projek. Risiko sesuatu inisiatif dinilai dari segi impaknya kepada UiTMCS. Tiga (3) kategori impak risiko telah dikenal pasti iaitu pelaksanaan projek, risiko kewangan dan risiko pengurusan maklumat (Rujuk Bukti 1).

Risiko pelaksanaan projek merangkumi kertas kerja tidak lengkap, tidak menepati SOP MoA/MoU yang betul, peruntukan dana yang terhad, kurang sambutan untuk menjadi penasihat pakar kepada badan profesional, dan masalah pandemik Covid-19 (Rujuk Bukti 2). Impak daripada risiko ini menjejaskan pelaksanaan fizikal projek dan pencapaian petunjuk prestasi. Langkah mitigasi diambil oleh Bahagian PJI dengan menyediakan senarai semak permohonan pendaftaran projek dan pendaftaran penyelidikan bagi memastikan kertas kerja yang dihantar lengkap. Proses menandatangani MoA/MoU dipusatkan di Bahagian PJI dan tatacara permohonan diedarkan secara berkala kepada warga UiTMCS bagi mengurangkan risiko proses tidak menepati tatacara MoA/MoU yang betul (Rujuk Bukti 3).

Risiko kedua yang dikenal pasti adalah risiko kewangan (risiko tahap sederhana). Impak risiko ini boleh menjejaskan aktiviti yang memerlukan dana untuk pelaksanaan projek disebabkan kelewatan dana diterima dari pihak penaja. UiTMCS telah mengambil langkah proaktif dengan memberi pendahuluan bergantung kepada kedudukan kewangan semasa kampus dan tahap keperluan bagi projek tersebut. Perkara ini diselia oleh Pejabat Bendahari melalui Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Kampus. UiTMCS juga telah mengeluarkan surat penghargaan dan memperkenalkan inisiatif *#Retired in Style* bagi mengatasi risiko staf yang kurang berminat untuk menjadi penasihat pakar kepada badan profesional (Rujuk Bukti 4).

Risiko ketiga adalah pengurusan data yang tidak sistematik (tahap rendah). Impak risiko ini akan mewujudkan kurang pelaporan dalam laporan petunjuk prestasi. Pelan mitigasi dipraktikkan dengan pemantauan yang lebih teliti dalam melaporkan pengurusan projek dan data di dalam sistem KPIS. Strategi jangka panjang untuk mengatasi masalah ini adalah amalan pelaporan melalui sistem KPIS. Sistem ini dipantau oleh Koordinator Perancangan Strategik UiTMCS secara berterusan (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [UiTM Sarawak 2.4.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [UiTM Sarawak 2.4.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [UiTM Sarawak 2.4.2 BUKTI 3.pdf](#)
4. [UiTM Sarawak 2.4.2 BUKTI 4.pdf](#)
5. [UiTM Sarawak 2.4.2 BUKTI 5.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses mengkaji semula yang paling utama adalah melalui proses retreat perancangan strategik yang diadakan pada setiap awal tahun. Retreat ini akan membincangkan pencapaian UiTMCS secara menyeluruh melibatkan semua kampus UiTMCS iaitu Kampus Samarahan, Samarahan 2 dan Mukah. Dapatan dari analisis pencapaian prestasi strategi yang disemak semula dan segala cadangan penambahbaikan dilakukan setelah membuat analisis terhadap kekuatan, kekurangan, peluang dan juga risiko yang bakal dihadapi. Segala kekurangan dan halangan dikenal pasti, dan penambahbaikan inisiatif strategik dioperasikan dalam SAP UiTMCS (Rujuk Bukti 1).

Kepimpinan UiTMCS juga sentiasa memaklumkan kepada ketua-ketua bahagian/unit dan projek mengenai dapatan atau saranan yang mereka dapati semasa menghadiri mesyuarat-mesyuarat di peringkat bersama industri, kerajaan negeri dan agensi luar. Delegasi tugas ditentukan semasa mesyuarat, retreat bahagian/unit masing-masing dan kajian semula pertengahan tahun untuk tindakan pihak yang berkenaan (Rujuk Bukti 2).

Peringkat pelaksanaan dan pemantauan inisiatif bidang tumpuan, analisis data pencapaian secara sistematik adalah melalui sistem KPIS. Perpindahan dari sistem SPMS ke KPIS, telah menambah baik pengurusan maklumat perancangan strategik UiTMCS. Asas pengurusan adalah berdasarkan hasil inisiatif secara berkala serta meningkatkan keupayaan Ketua Projek untuk memantau pelaksanaan inisiatif. Selain itu, ciri KPIS melalui perbandingan dalam industri turut dilaporkan untuk makluman prestasi terkini kepada warga. Penanda aras secara dalam talian ini mengenal pasti projek yang perlu diberi tumpuan dan seterusnya amalan terbaik untuk diaplikasikan dan diadaptasikan di UiTMCS agar menjadi lebih kompetitif (Rujuk Bukti 3).

Melalui KPIS, pengurusan data secara sistematik telah membantu mengurangkan isu kurang pelaporan (under reporting), di mana setiap unit bertanggungjawab ke atas pencapaian unit masing-masing sekaligus pencapaian prestasi UiTMCS secara keseluruhannya. Isu ini dapat diatasi setelah diuruskan oleh unit masing-masing dalam jaringan industri. Data yang dilaporkan akan dibandingkan dengan data pencapaian dari pihak BTU sebelum laporan pengurusan UiTM di Shah Alam dibentangkan (Rujuk Bukti 4).

Selain daripada itu, pemantauan pelaksanaan projek dalam sistem UePMO turut menjadi sistem sokongan kepada KPIS untuk memastikan projek berjalan dengan lancar. Pelaksanaan projek dipantau dari segi peratus pelaksanaan dalam sistem oleh ketua projek masing-masing. Pemantauan berterusan dan analisis dilakukan dalam memastikan projek berjalan seperti yang telah dirancang (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [UiTM Sarawak 2.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [UiTM Sarawak 2.4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [UiTM Sarawak 2.4.3 BUKTI 3.pdf](#)
4. [UiTM Sarawak 2.4.3 BUKTI 4.pdf](#)
5. [UiTM Sarawak 2.4.3 BUKTI 5.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Di dalam memastikan objektif dan inisiatif strategi dicapai, salah satu peranan kepimpinan UiTMCS adalah memastikan perancangan BT telah dilaksanakan. Ini termasuklah *Retreat* PS yang telah diadakan pada setiap awal tahun yang diterajui oleh pimpinan kanan UiTMCS. *Retreat* PS di Lundu (2019) dan Sabah (2020) melibatkan tiga kampus cawangan iaitu Kampus Samarahan, Samarahan 2 dan Mukah (Rujuk Bukti 1). Melalui *Retreat* PS pembentangan prestasi oleh TR PJI dan unit telah membuka jalan kepada penambahbaikan dan pembaharuan strategi dan inisiatif bagi menepati teras baharu UiTM dan diselaraskan dengan hala tuju kerajaan negeri melalui Strategi Ekonomi Digital Sarawak 2018-2022 (Rujuk Bukti 2).

Kepimpinan kanan UiTMCS melaksanakan komunikasi melalui sesi Amanat Rektor setiap tahun dan mesyuarat staf secara bulanan atau secara berkala yang dihadiri oleh semua warga UiTMCS merupakan langkah untuk memaklumkan mengenai hala tuju UiTM dan UiTMCS sejajar dengan teras, strategi dan inisiatif yang dijalankan. Di samping itu, objektif komunikasi adalah bertujuan untuk memaklumkan seluruh warga akan peranan dan komitmen mereka dalam membantu mencapai matlamat UiTM melalui inisiatif-inisiatif yang telah dibincangkan dalam PS (Rujuk Bukti 3).

Pengoperasian pelaksanaan PS dilakukan dalam retreat perancangan strategik di mana inisiatif-inisiatif strategi dan petunjuk prestasi diagihkan kepada bahagian berdasarkan fungsi masing-masing. Pengagihan inisiatif dan petunjuk prestasi diselarakan dengan akauntabiliti setiap bahagian dalam pelaksanaan PS tersebut. Hasil retreat PS ialah *Strategic Action Plan* (SAP), iaitu dokumen komitmen pimpinan kanan dalam PS. SAP ini bertujuan untuk memastikan semua inisiatif yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka dilaksanakan dan petunjuk prestasi dicapai. Bagi inisiatif strategi dalam BT, ketua-ketua bahagian telah menjalankan beberapa retreat di peringkat bahagian untuk mengatur strategi pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik masing-masing (Rujuk Bukti 4).

Sokongan kepimpinan kanan UiTMCS dalam menggerakkan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dalam BT ditunjukkan melalui pembangunan dalaman sistem KPIS yang mengintegrasikan perancangan strategik UiTMCS. Sistem ini membantu meningkatkan keupayaan sistem pemantauan terhadap pencapaian inisiatif strategik. Sistem KPIS merupakan satu platform dalam pengurusan data berkaitan dengan PS UiTMCS yang merekod pencapaian prestasi semua bahagian setiap suku tahun. Data ini menjadi asas pengurusan dalam BT dan laporan berkala yang dilakukan oleh Koordinator Perancangan strategik kepada pihak pengurusan UiTMCS. Pemantauan dibuat secara kerap bagi memastikan permasalahan tidak berpanjangan dan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dilakukan pada peringkat awal permasalahan (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [UiTM Sarawak 2.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [UiTM Sarawak 2.5 BUKTI 2.pdf](#)
3. [UiTM Sarawak 2.5 BUKTI 3.pdf](#)
4. [UiTM Sarawak 2.5 BUKTI 4.pdf](#)
5. [UiTM Sarawak 2.5 BUKTI 5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan adalah pihak utama dan penting yang akan memperolehi manfaat daripada inisiatif yang dilaksanakan. Pelanggan yang terlibat dikenal pasti melalui pelbagai kaedah bagi memastikan keperluan serta manfaat kepada pelanggan dapat dipenuhi berpandukan OS sejajar PS 2014-2020 serta PS 2021-2025 yang telah disemak semula sebagai panduan bagi tahun 2019 dan 2020. Perancangan dilaksanakan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCS dengan merujuk kepada OS Universiti semasa dengan melibatkan setiap Unit/Bahagian serta mengambil kira maklum balas dari warga melalui kaedah PDCA. Pelanggan bagi BT adalah meliputi kumpulan Rakan Kongsi dan Rakan Usahasama iaitu pihak industri termasuklah universiti, agensi kerajaan, syarikat swasta, komuniti tempatan dan antarabangsa. Perancangan tumpuan pelanggan bermula dengan pengenalan profil dan keperluan pelanggan melalui Model Tumpuan Pelanggan UiTMCS. Tumpuan terhadap pelanggan ini telah dibuat dalam mendokong inisiatif kerajaan negeri Sarawak untuk mencapai *Sarawak Digital Economy Strategy 2018-2022*. Selain itu, tumpuan pelanggan UiTMCS juga selaras dengan usaha kerajaan melalui Rancangan Malaysia ke 11: 2016-2020 serta merealisasikan pencapaian SDG tahun 2020 United Nations dalam meliputi matlamat 1 (*No Poverty*), 4 (*Quality Education*), 8 (*Decent Work and Economic Growth*), 9 (*Industry, Innovation and Infrastructure*), 11 (*Sustainable Cities and Communities*) dan 15 (*Life on Land*).

Pelaksanaan pengurusan pelanggan di UiTMCS dibuat secara sistematik merujuk kepada Model Tumpuan Pelanggan bermula dengan penetapan matlamat untuk memenuhi keperluan pelanggan serta untuk memperolehi maklumat daripada pelanggan secara khusus. Kategori Pelanggan yang terlibat dalam menjayakan objektif setiap projek dikenal pasti dan dibincangkan di dalam mesyuarat di peringkat kampus seperti MPE, MPD serta mesyuarat Bahagian PJI. Selain itu, komunikasi berkaitan BT melibatkan UiTMCS juga dilaksanakan melalui pelbagai kaedah termasuklah melalui mesyuarat Bahagian/Unit, perjumpaan staf, perjumpaan pelajar dan hebahan melalui media sosial seperti Facebook Rektor UiTMCS dan Facebook jabatan. Semua warga sebagai pelanggan dalaman juga sentiasa digalakkan untuk terlibat dalam aktiviti/program/projek dalam BT serta hubungan baik dengan pihak berkepentingan sentiasa dijaga oleh UiTMCS.

Pemantauan pelanggan dalam BT dilaksanakan oleh UiTMCS secara kerap dan berkala melalui pelbagai kaedah. Maklumat dari maklum balas, aduan atau cadangan yang diterima dari pihak berkepentingan berkaitan UiTMCS dikumpul, dikenal pasti dan dinilai oleh pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian/Unit. Pelaporan dibuat secara bulanan atau berkala sama ada semasa mesyuarat pengurusan dan bahagian/unit. Seterusnya, analisis data dibuat untuk tujuan pengumpulan data dan juga mengenal pasti kekuatan, kekurangan, peluang dan ancaman melibatkan UiTMCS terutama berkaitan dengan BT. UiTMCS juga mengambil inisiatif membangunkan sistem dalam talian yang membantu proses pemantauan dijalankan agar lebih telus dan sistematik, contohnya sistem KPIS dan MIS. Pemantauan ini penting kerana pengurusan pelanggan yang berkesan akan memberi nilai tambah kepada UiTMCS dari segi ketampakan organisasi serta pengiktirafan pihak luar terhadap kredibiliti, kemampuan, kepakaran dan kebolehan warga UiTMCS.

Proses tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan lebih baik oleh UiTMCS melalui inisiatif secara berterusan bertujuan memastikan kepuasan hati pelanggan pada tahap maksimum. Tindakan penambahbaikan UiTMCS melalui pembangunan sistem dalaman hasil dari maklum balas yang diterima daripada pihak pelanggan. Contohnya, sistem *e-PJI Directory*, *e-Reporting*, *e-Feedback* yang telah dibangunkan oleh Bahagian/Unit di UiTMCS

membantu menambahbaik pengurusan pelanggan selaku pihak berkepentingan UiTMCS. Sistem ini diintegrasikan sebagai *Best Practices* dan *Good Practices* untuk dikongsikan dengan pihak luar. Secara tidak langsung keyakinan pelanggan selaku pihak berkepentingan ditingkatkan terhadap UiTMCS di peringkat tempatan dan antarabangsa.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCS telah mengenal pasti pelan tindakan dan pelaksanaan OS sejajar PS 2014-2020 serta PS 2021-2025 yang telah disemak semula sebagai panduan bagi tahun 2019 dan 2020. Hubungan erat serta maklum balas daripada pelanggan memberikan ruang kepada UiTMCS untuk mengenal pasti kelebihan, kelemahan, peluang dan cabaran. Kumpulan pelanggan UiTMCS terbahagi kepada tiga (3) kumpulan utama, iaitu Pembekal/Kontraktor, Rakan Kongsi dan Rakan Usahasama sepertimana diterangkan dalam Bukti 1. Pelanggan bagi BT adalah meliputi kumpulan Rakan Kongsi dan Rakan Usahasama. Kepimpinan UiTMCS menitikberatkan kehendak pelanggan dengan mengenal pasti jangkaan pelanggan terlebih dahulu sebagai tanda aras pencapaian aktiviti/program/projek.

Pelanggan bagi BT dikenal pasti melalui dua kaedah iaitu berdasarkan keperluan penglibatan pihak berkaitan terhadap aktiviti/program/projek atau permohonan kolaborasi diterima daripada pihak berkaitan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa melalui Model Tumpuan Pelanggan yang ditunjukkan dalam Bukti 2. Dua kategori pelanggan yang dikenal pasti adalah terdiri daripada Pelanggan Dalaman iaitu pelajar dan staf, manakala Pelanggan Luaran merangkumi pihak industri, badan profesional, badan kerajaan, syarikat swasta, sekolah, media, alumni, komuniti setempat, universiti, pihak kerajaan negeri Sarawak dan juga komuniti antarabangsa (Rujuk Bukti 3). Kategori Pelanggan yang terlibat dalam menjayakan objektif setiap projek dikenal pasti dan dibincangkan di dalam mesyuarat di peringkat kampus seperti MPE, MPD serta mesyuarat Bahagian PJI. Mesyuarat serta perbincangan terperinci berkaitan aktiviti/program/projek dilakukan sebagai contoh Mesyuarat bersama pihak SFC, IRSDA dan universiti (Rujuk Bukti 4).

Selain itu, sesi dialog, komunikasi melalui e-mel, surat menyurat dan maklum balas pelanggan juga merupakan mekanisme komunikasi dengan pelanggan. Komunikasi dua hala serta aktif dengan pelanggan sama ada dalaman atau luaran telah membantu UiTMCS dalam mengenal pasti kumpulan sasaran dengan lebih berkesan bagi memastikan ianya mendatangkan hasil serta impak yang berkesan. Penglibatan pelanggan dalaman di kalangan staf yang berkepakaran dan berpengalaman adalah secara menyeluruh iaitu fakulti, unit dan bahagian serta melibatkan staf akademik dan bukan akademik. Kerjasama erat, komunikasi yang berkesan dan sokongan daripada pengurusan atasan UiTMCS telah membantu merealisasikan aktiviti/program berkaitan jaringan industri dan keusahawanan dengan jayanya. UiTMCS sentiasa menitikberatkan keperluan pelanggan dipenuhi melalui *Good Practices* dan *Best Practices*. Hubungan erat dengan pihak kerajaan negeri Sarawak menjadi teras yang menggambarkan kepercayaan pelanggan kepada UiTMCS. Ini secara tidak langsung mengukuhkan kepercayaan pelanggan lain dari kalangan badan kerajaan, swasta, komuniti setempat dan juga komuniti antarabangsa. Kolaborasi dan kerjasama strategik bersama pelanggan juga membantu UiTMCS mendapat pengiktirafan secara berterusan sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pelajar serta staf UiTMCS terlibat secara aktif dalam aktiviti/program/projek berkaitan BT mengikut bidang kepakaran. Bukti 5 memperincikan maklumat MoU/MoA UiTMCS bagi tahun 2019 dan 2020.

Pemetaan pelanggan dibuat setelah keperluan dikenal pasti dengan pencapaian KPI, sumber manusia sedia ada UiTMCS dan kebaikan/ganjaran tumpuan pelanggan supaya ianya lebih sistematik dan memenuhi keperluan pelanggan dalam BT seperti mana ditunjukkan dalam Bukti 5.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 3.2.1.pdf](#)
2. [BUKTI 2 3.2.2.pdf](#)
3. [BUKTI 3 3.2.3.pdf](#)
4. [BUKTI 4 3.2.4.pdf](#)
5. [BUKTI 5 3.2.5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan dan penyimpanan data pelanggan diurus dengan baik bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan. Data ini disimpan oleh Unit PJI, ICAN, UCTC, HEP, HEAA, OIA serta Unit Korporat, Bahagian Pentadbiran secara sistematik sama ada melalui kaedah laporan, borang kaji selidik, dan rakaman sesi dialog seperti diterangkan dalam Bukti 1. Kaedah pengumpulan data menunjukkan bahawa data pelanggan yang disimpan adalah merangkumi salinan surat jemputan, maklumat pegawai untuk dihubungi, maklum balas program, kertas cadangan aktiviti/program, laporan aktiviti/program/projek yang telah dijalankan dan juga minit mesyuarat berkaitan.

UiTMCS sentiasa mengutamakan kepuasan hati pelanggan pada tahap tinggi. Kepuasan hati pelanggan ini boleh dicapai sekiranya keperluan mereka dipenuhi dengan sebaiknya. Keperluan pelanggan dikenal pasti melalui maklumat yang diperolehi oleh UiTMCS sama ada secara langsung atau tidak langsung. Contohnya, keperluan setiap pelanggan dikenal pasti berdasarkan maklum balas, cadangan atau aduan yang diterima. Maklum balas, cadangan atau aduan dibuat melalui mekanisme e-mel dan cadangan di laman web UiTMCS serta laman Facebook rasmi UiTMCS. Bukti 2 menerangkan kaedah pengumpulan maklumat keperluan pelanggan UiTMCS dalam BT. Tindakan seterusnya adalah mengenal pasti keperluan dan kepuasan hati pelanggan ini diteliti dan dibuat penilaian dengan segera dari semasa ke semasa. Maklum balas pelanggan diteliti diambil tindakan oleh pegawai yang bertanggungjawab. UiTMCS juga peka kepada tahap kepuasan hati staf dan tindakan berbentuk kaji selidik *Happiness Index* dibuat. Beberapa langkah telah diambil sebagai tindakan bagi meningkatkan kepuasan hati pelanggan di kalangan staf. Langkah-langkah yang telah diambil termasuklah penggiliran tempat kerja antara unit/bahagian di UiTMCS serta galakan kepada staf yang berkelayakan untuk kenaikan pangkat. Selain itu, setiap tahun UiTMCS melalui Bahagian Pentadbiran telah mencalonkan beberapa staf sebagai penerima anugerah dan pingat kebesaran negeri dan kebangsaan (Rujuk Bukti 3).

Pengurusan data pelanggan dibuat oleh Pegawai Eksekutif PJI, Koordinator Unit, dan Unit Korporat UiTMCS mengikut jenis aktiviti/program/projek yang dijalankan sama ada dalam bentuk laporan atau borang kaji selidik. Data pelanggan ini disimpan dan akan dianalisa untuk laporan secara berkala semasa mesyuarat berkaitan aktiviti/program/projek dan juga dilaporkan dalam MPD. Laporan berkenaan dilaporkan sama ada secara bulanan atau secara berkala mengikut jadual mesyuarat. Data disimpan sebagai rujukan sama ada untuk kesinambungan aktiviti/program/projek dan untuk memberi pengiktirafan kepada staf yang terlibat sebagai motivasi kepada warga UiTMCS. Data juga boleh dijadikan rujukan berkaitan kepakaran staf bagi aktiviti/program/projek di masa hadapan. Penglibatan pelanggan adalah penting dalam menjayakan aktiviti/program/projek yang dirancang. Pelbagai kaedah penglibatan pelanggan telah dilaksanakan di dalam beberapa aktiviti/program/projek melibatkan jaringan industri dan keusahawanan UiTMCS (Rujuk Bukti 3). Selain itu, Latihan Industri contohnya FSPU, maklum balas majikan atau pihak industri diperolehi dan membantu UiTMCS berkomunikasi dengan pihak industri dengan berkesan (Rujuk Bukti 4).

UiTMCS melalui inisiatif #padanankepakaran telah dapat mengenal pasti kumpulan sasaran pelanggan dengan kepakaran bidang staf yang berkelayakan mengikut jenis aktiviti/program/projek yang dijalankan bersama industri serta komuniti sepertimana diterangkan dalam Kriteria 5 - Sumber Manusia (rujuk Bukti 4). Ini telah membantu UiTMCS memperoleh beberapa projek di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, contohnya

ERASMUS, InnoSTRE, TERAJU, IRSDA, STEM, SIIDEX dan TUDS. Selain itu, UiTMCS juga melaksanakan inisiatif #latihanstaf dan #ukhuwahstaf bagi memantapkan pengurusan pelanggan BT agar dapat memenuhi keperluan pada tahap maksimum.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1_3.3.1.pdf](#)
2. [BUKTI 2_3.3.2.pdf](#)
3. [BUKTI 3_3.3.3.pdf](#)
4. [BUKTI 4_3.3.4.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepuasan hati pelanggan boleh dicapai sekiranya keperluan mereka dipenuhi dengan sebaiknya. Keperluan pelanggan dikenal pasti melalui maklumat yang diperolehi oleh UiTMCS sama ada secara langsung atau tidak langsung berdasarkan maklum balas, cadangan atau aduan yang diterima. Seterusnya, kepuasan hati pelanggan ini diteliti dan dinilai dari semasa ke semasa. Kebaikan/ganjaran yang diperolehi hasil daripada penglibatan aktif warga UiTMCS adalah dalam bentuk pelbagai manfaat seperti diterangkan dalam Bukti 1. Manfaat yang diperolehi hasil dari pelaksanaan BT bukan hanya dalam bentuk jalinan kerjasama dan nilai dalam bentuk wang. Ganjaran lain yang diperolehi adalah peningkatan ilmu pengetahuan, kepakaran serta peningkatan sumber ekonomi peserta aktiviti/program/projek serta komuniti setempat amnya. Contohnya, projek IRSDA telah menyumbang kepada Pembangunan Pelan Pelancongan Samarahan (STDP) dan UiTMCS dilantik sebagai Ketua Projek (Rujuk Bukti 2). Projek ini membantu membangunkan *Sarawak Tourism Clusters & Activities* meliputi *Culture, Adventure, Nature, Food and Festival (CANFF)*.

Pelaksanaan BT juga meningkatkan dan mengukuhkan kewibawaan warga UiTMCS di mata masyarakat di peringkat negeri Sarawak, kebangsaan dan antarabangsa. Projek STEM mula diadakan semenjak tahun 2017 dan telah berjaya meningkatkan minat golongan muda di peringkat sekolah tentang kepentingan Sains dan Teknologi serta prospek kerjaya masa depan. Projek STEM ini juga telah berjaya mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan kerajaan negeri Sarawak terhadap UiTMCS dengan peningkatan jumlah geran yang diluluskan serta penglibatan warga sekolah setiap tahun. Pembangunan Modal Insan melalui perkongsian ilmu telah disemarakkan dengan adanya aktiviti/program/projek sebegini dan ianya menyaksikan UiTMCS sebagai penggerak utama di negeri Sarawak (Rujuk Bukti 3). Usaha ini membantu merealisasikan Strategi Ekonomi Digital Sarawak 2018-2022.

Pemantauan aktiviti/program/projek yang dijalankan melalui pelaporan yang dibentangkan dalam MPE, MPD dan Mesyuarat Fakulti/Bahagian/Unit. Perbincangan secara bulanan semasa MPE dan MPD, manakala Mesyuarat Fakulti/Bahagian/Unit pula diadakan sebanyak 4–6 kali setahun. Pembentangan laporan aktiviti/program/projek berkaitan warga UiTMCS adalah untuk memastikan ianya menjurus kepada KPI Universiti, memantau penglibatan dan pencapaian staf serta mengenal pasti staf yang mendapat lantikan dari pihak luar melibatkan jaringan industri serta potensi jalinan kolaborasi pada masa depan. Perkembangan aktiviti/program/projek sebagai pemakluman status dibuat melalui laporan ringkas perkembangan aktiviti/program/projek (Rujuk Bukti 4). Unit Korporat juga menerima maklum balas dari Facebook Rektor UiTMCS dan BHEP juga memantau aktiviti berkaitan pelanggan melalui *e-Feedback* (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 3.4.1.pdf](#)
2. [BUKTI 2 3.4.1.2.pdf](#)
3. [BUKTI 3 3.4.1.3.pdf](#)
4. [BUKTI 4 3.4.1.4.pdf](#)
5. [BUKTI 5 3.4.1.5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelaksanaan atau kejayaan pencapaian melibatkan pelanggan semestinya akan terdapat risiko-risiko yang mungkin menjadi halangan. Bukti 1 menerangkan risiko yang boleh menjejaskan penglibatan pelanggan serta pencapaian perancangan yang dibuat oleh UiTMCS untuk mengatasi risiko-risiko tersebut. Bukti 2 menerangkan Pengurusan Risiko Bagi Tumpuan Kepada Pelanggan. Ianya menggambarkan kategori risiko, tahap risiko, dan pelan tindakan yang diambil. Di antara risiko yang lazim melibatkan aktiviti/program/projek berkaitan jaringan industri dan keusahawanan adalah sukar mendapatkan tajaan atau sumber kewangan yang diperlukan, kurang jumlah penyertaan, protokol melibatkan badan kerajaan dan kehendak perundangan serta maklumat program/projek yang kurang jelas. Contohnya, risiko aktiviti/program/projek yang tidak mendapat jumlah peruntukan yang diperlukan boleh menyebabkan masalah kepada pelaksanaan inisiatif tersebut. Oleh itu, komunikasi yang berkesan dengan pelanggan melalui mekanisme yang bersesuaian boleh membantu menangani risiko.

Risiko kepuasan pelajar dalam program jaringan industri diuruskan melalui kaedah penyediaan laporan aktiviti/program/projek yang setelah diterima akan diuruskan oleh pegawai yang dilantik untuk memastikan tindakan diambil bila diperlukan dengan segera (rujuk Bukti 3). Mekanisme yang diguna pakai untuk berkomunikasi dengan pelanggan telah dikenal pasti lebih awal bagi mengurangkan risiko seperti maklum balas tidak diterima, maklum balas tidak diambil tindakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan pemakluman penerimaan maklum balas kepada pelanggan tidak dibuat. Contohnya, pelanggan tidak mengetahui saluran maklum balas yang betul, penggunaan alamat e-mel yang salah dan maklum balas yang kurang jelas. Risiko-risiko sebegini akan menjejaskan hubungan dengan pelanggan serta menjejaskan imej dan kredibiliti UiTMCS. Oleh itu, semua maklum balas yang diterima segera diuruskan oleh pegawai yang dilantik mengikut prosedur dalam masa yang telah ditetapkan. Ini menjamin kepuasan hati pelanggan dan mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan pencapaian maklum balas pelanggan.

Pihak pengurusan UiTMCS telah melaksanakan pelan mitigasi berkaitan risiko tahap tinggi semasa pandemik Covid-19 di mana arahan agar aktiviti/program/projek bersama pihak luar dijalankan secara dalam talian serta memperbanyakkan Latihan ICT bagi semua staf UiTMCS (Rujuk Bukti 4). Mesyuarat PJI juga membincangkan maklum balas pihak industri berkaitan BT dan komunikasi melalui *Whatsapp Group* dan diambil tindakan dengan kadar segera (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1_3.4.2.pdf](#)
2. [BUKTI 2_3.4.2.pdf](#)
3. [BUKTI 3_3.4.2.pdf](#)
4. [BUKTI 4_3.4.2.pdf](#)
5. [BUKTI 5_3.4.2.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelaksanaan aktiviti/program/projek yang melibatkan pelajar dan staf sebagai pelanggan utama UiTMCS telah berjaya menerapkan beberapa amalan pembudayaan. Sesi Amanat Rektor yang diadakan di awal tahun melibatkan semua warga staf menyampaikan hala tuju dan galakan dari Kepimpinan Kanan UiTMCS berkaitan program/projek yang dijalankan melibatkan UiTMCS (Rujuk Bukti 1). Pelaksanaan penganjuran Hari Inovasi pada setiap tahun dengan kerjasama KEKITA dan PEWANI menunjukkan Kepimpinan Kanan sentiasa memberi peluang kepada warga staf melalui galakan penglibatan dalam aktiviti berkaitan jaringan industri dengan memberikan hadiah galakan berupa pengiktirafan melalui laman web UiTMCS, e-mel ucapan penghargaan atas pencapaian dan pengiktirafan berupa sijil dan wang ganjaran semasa sambutan Hari Inovasi peringkat UiTMCS (Rujuk Bukti 2).

Amalan penambahbaikan berterusan sepanjang pembelajaran di UiTMCS telah berjaya mendidik para pelajar mengenai sahsiah pemakaian yang sesuai dipraktikkan semasa memasuki alam pekerjaan atau berkecimpung dengan keusahawanan. Etika pemakaian adalah elemen penting yang boleh mempengaruhi keterampilan individu semasa berhubung dengan individu lain. Oleh itu, pemahaman etika pemakaian yang sesuai dengan persekitaran ketika berhubung dengan pelanggan adalah penting. Keterampilan profesional dan sentiasa bersedia dengan segala cabaran membantu pelajar membentuk imej profesional. Latihan berkaitan diadakan melibatkan pelajar melalui persatuan pelajar mengikut program yang sedia ada di UiTMCS. Latihan yang diadakan oleh MASMED membantu pelajar sebagai pelanggan dalaman memulakan perniagaan sendiri kelak yang akan membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat (Rujuk Bukti 2). Selain itu, ketika menyertai aktiviti yang dianjurkan pelajar secara tidak langsung dilatih untuk menepati masa, menghormati orang lain dan berkomunikasi dengan berkesan terutamanya ketika menghadiri majlis melibatkan jemputan industri dan program/projek melibatkan komuniti di luar kampus. Penglibatan pelajar di dalam aktiviti keusahawanan berjaya menerapkan ciri-ciri budaya keusahawanan yang baik seperti ikhlas, jujur, berbudi bahasa dan amanah yang akan menjadi pegangan mereka bila bergraduat (Rujuk Bukti 3).

Analisis juga dilakukan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCS melalui pelaporan program secara bulanan oleh Ketua Unit/Ketua Bahagian/KPP dan ianya dibincangkan dalam mesyuarat seperti MPE, MPD dan Mesyuarat Staf Akademik. Hasil dari perbincangan ini tindakan penambahbaikan telah dibuat bagi meningkatkan pencapaian prestasi dalam BT (Rujuk Bukti 4). Maklum balas diterima dari industri diambil tindakan untuk penambahbaikan. Contoh, FSPU, mesyuarat diadakan bersama pihak industri, maklum balas diterima dan telah diambil tindakan oleh pihak Fakulti sebagai rujukan (Rujuk Bukti 5)

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1_3.4.3.pdf](#)
2. [BUKTI 2_3.4.3.pdf](#)
3. [BUKTI 3_3.4.3.pdf](#)
4. [BUKTI 4_3.4.3.pdf](#)
5. [BUKTI 5_3.4.3.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan tindakan dari jaringan industri sepanjang tahun 2019 dan 2020 telah menghasilkan jaringan kerjasama erat dengan pelanggan sama ada dalaman atau luaran. Penglibatan staf UiTMCS sebagai pelanggan dalaman meningkatkan kecemerlangan bakat komuniti akademik melalui pembangunan pendidik, penyelidik, pengamal profesional, dan pemimpin institusi. Program/projek/aktiviti berkaitan jaringan industri telah mewujudkan jalinan kerjasama baik dengan pihak berkepentingan. Contohnya, projek bersama SFS yang diadakan setiap tahun melalui projek SFC dan IRSDA. Jalinan kerjasama yang baik dan berkesan di antara UiTMCS dan pelanggan industri ini menghasilkan kerjasama secara berterusan dan membantu kampus lain melalui pemindahan ilmu berbentuk sesi perkongsian ilmu (Rujuk Bukti 1).

Penglibatan UiTMCS terutama melalui PJI bersama pelajar, badan profesional, industri dan komuniti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa secara aktif dan konsisten di dalam projek-projek seperti STEM, IRSDA, InnoSTRE dan ERASMUS telah berjaya menghasilkan manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Ini sekaligus telah melonjakkan reputasi dan membuahkan kejayaan kepada UiTMCS pada tahun 2019 dan 2020 di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selaras dengan misi UiTM sebagai Universiti. UiTMCS telah menjadi pusat rujukan untuk mendapatkan khidmat kepakaran seperti penandaarasan dari pihak industri dan komuniti (Rujuk Bukti 2).

Sistem inovasi pelaporan secara talian hasil tumpuan kepada pelanggan mewujudkan sistem *e-Reporting* dan *e-Feedback* yang diguna pakai oleh BHEP dalam menguruskan aktiviti/program/projek bersama pelanggan. Inovasi ini telah memudahkan penilaian pencapaian aktiviti/program/projek yang telah dilaksanakan serta menjadi rujukan pada masa akan datang. Pihak PJI juga telah menghasilkan e-Direktori PJI yang merupakan inisiatif pengumpulan data penglibatan staf dalam program/projek sebagai rujukan pihak industri dan berkepentingan yang memerlukan khidmat kepakaran mereka pada masa akan datang (Rujuk Bukti 3). UiTMCS juga telah mengambil inisiatif bersesuaian dengan cabaran pandemik Covid-19 di mana komunikasi bersama pelanggan dalaman dan luaran dibuat menggunakan pelbagai kaedah termasuklah bagi mendapatkan maklum balas pelanggan sebagai contoh kaedah *Google form Feedback* projek IRSDA (Rujuk Bukti 4). Facebook Rektor UiTMCS sebagai inovasi berhubung dengan pelanggan dan maklum balas (Rujuk Bukti 5).

Keberkesanan integrasi yang telah dibuat mewujudkan profil pelanggan, memudahkan menyebar luas dan mengemas kini maklumat pelanggan, membantu kajian semula KPI BT dan memudahkan pelanggan tempatan dan antarabangsa untuk berhubung dengan pihak UiTMCS. Secara langsung kepuasan pelanggan UiTMCS berada di tahap yang tinggi

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1_3.5.pdf](#)
2. [BUKTI 2_3.5.pdf](#)
3. [BUKTI 3_3.5.pdf](#)
4. [BUKTI 4_3.5.pdf](#)
5. [BUKTI 5_3.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran dan analisis data bagi sesuatu organisasi adalah penting dalam memastikan objektif strategik yang dirancang adalah realistik dan dapat dicapai. JPS UiTMCS memainkan peranan yang besar dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan pengukuran data bagi semua PTJ khususnya bidang tumpuan berkaitan jaringan industri dan keusahawanan.

Sebelum data dapat diukur, perancangan perlu dibuat bagi mengenal pasti instrumen yang sesuai digunakan untuk pengukuran. Ini mesti dilakukan dalam memastikan data yang diperolehi adalah sah, boleh dipercayai dan boleh digunakan. Perancangan instrumen yang dibuat membantu menyediakan kerangka kerja bagi menghubungkan matlamat objektif strategik BT bukan hanya untuk memaklumkan pengukuran telah dibuat tetapi juga dapat memaklumkan strategi dan pelaksanaan keputusan.

Pelaksanaan pengukuran data dibuat secara berterusan oleh UiTMCS sepanjang tahun. Pengumpulan dan penganalisan data dilaksanakan mengikut kekerapan yang dijadualkan dan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Data yang diperolehi perlu dianalisis dan tindakan segera perlu diambil untuk penambahbaikan berterusan yang dicadangkan kepada setiap unit dan bahagian terutama bagi menjayakan objektif strategik BT. Pelaksanaan beberapa instrumen pengukuran yang dibangunkan sendiri oleh UiTMCS turut diperluaskan ke semua unit dan bahagian. Ini membolehkan data diakses dan dikongsi bersama terutama dengan pihak pengurusan. Instrumen yang kerap digunakan di UiTMCS adalah sistem UePMO, SPMS, KPIS, MIS dan SMART.

Penggunaan instrumen dalam talian membantu memudahkan pemantauan secara berkala. Ianya membantu dalam penilaian pencapaian KPI dan PI BT serta memudahkan perbandingan pencapaian semasa. Hasil pemantauan digunakan untuk kajian semula dan dengan ini menghasilkan inovasi instrumen yang boleh menambah baik pengukuran dan penganalisan data. Pemantauan dengan menggunakan instrumen ini juga memberi peluang kepada unit dan bahagian berkongsi data hasil analisa dan boleh saling menyemak di antara satu sama lain.

Risiko di dalam proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan perlu dikenal pasti dengan teliti. Antara risiko yang dikenal pasti adalah instrumen yang sedia ada mungkin tidak disebar luas, maklumat data yang diperolehi tidak relevan, data yang tidak dikemas kini, dan keselamatan dan kerahsiaan data. Oleh kerana itu, instrumen yang tidak diperlukan lagi harus dikenal pasti dan ditambah baik dari masa ke semasa.

Langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian serta tindakan perlu diambil bagi meminimumkan risiko-risiko tersebut. Langkah-langkah penambahbaikan pula boleh dicadangkan berdasarkan kepada analisis data. Antara langkah-langkah yang boleh diambil adalah bekerjasama dengan jawatankuasa pemantauan kualiti UiTMCS dalam kajian semula dimana inovasi instrumen dapat dihasilkan bagi menambah baik prestasi berdasarkan hasil kajian semula.

UiTMCS sebagai sebuah organisasi yang mampan mempunyai pendekatan utama dan sokongan bagi mengukur pencapaian prestasinya. Pendekatan ini wujud dari keadaan semasa dan masalah terkini yang dihadapi dan kemudian diinovasikan bagi tujuan penambahbaikan dalam meningkatkan pencapaian prestasi keseluruhan dan berterusan serta disebarluaskan untuk diguna pakai oleh pihak lain.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengukuran data adalah penting bagi mencapai objektif strategik bidang tumpuan. Ini dilakukan bagi memastikan perancangan yang dibuat oleh Bahagian PJI adalah tepat bagi tujuan pelaporan untuk mencapai hasil yang dirancang dalam perancangan strategik. Oleh itu, data yang diukur perlulah sah, boleh dipercayai dan boleh digunakan.

UiTMCS menggunakan sistem SPMS, KPIS dan UePMO, sebagai tiga instrumen paling utama dalam mengukur pencapaian KPI BT. Perbandingan pencapaian semasa dengan KPI dan perancangan strategik UiTMCS dipantau pada bila-bila masa melalui sistem ini.

Item ukuran bagi pencapaian objektif strategik diterjemahkan dalam bentuk petunjuk prestasi yang dikenalpasti sepertimana yang digariskan dalam perancangan strategik. Objektif strategik yang berkaitan dengan BT adalah seperti berikut:

1. To strengthen strategic alliance with alumni and industries (OS-8),
2. To champion impactful research through stronger research ecosystem (OS-7),
3. To provide world class education (OS-2), dan
4. To produce well-balanced entrepreneurial graduated who are globally competent (OS-4).

Bagi mencapai OS-8, item ukuran merupakan bilangan MOU/MOA yang dimeterai bersama industri tempatan dan rakan kongsi di luar negara. Unit ICAN adalah unit dipertanggungjawabkan untuk menjalankan aktiviti kolaborasi dengan pihak industri, badan-badan kerajaan dan alumni. Selain dari itu, Unit ICAN juga mengambil inisiatif mengadakan kolaborasi bersama pihak industri luar negara seperti ERASMUS.

Pencapaian petunjuk prestasi ini diukur dengan sasaran aktiviti atau inisiatif kolaborasi yang dijalankan bersama pihak agensi luar sama ada di dalam mahupun di luar negara. Semua sasaran aktiviti dan inisiatif kolaborasi pada tahun 2019 dan 2020 telah berjaya dijalankan (Rujuk Bukti 1) sehingga menghasilkan penyelidikan dan MOU serta MOA bukan hanya di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa seperti ERASMUS dan InnoSTRE 2020. Sumber data boleh diperolehi dari Memorandum Information System (MIS) (Rujuk Bukti 2).

Item ukuran seterusnya adalah jumlah geran penyelidikan yang dibiayai dari industri, sama ada yang dibiayai di peringkat kebangsaan atau peringkat antarabangsa. Ukuran ini diperlukan bagi mencapai OS-7 di mana geran penyelidikan sangat diperlukan dalam menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi.

Pemberian geran penyelidikan adalah salah satu faktor utama dalam mendorong penglibatan pensyarah untuk membuat penyelidikan berimpak tinggi. Kekangan pembiayaan dalaman menyebabkan pembiayaan geran penyelidikan dari pihak luar amat diperlukan bagi meningkatkan jumlah penyelidikan yang dijalankan oleh UiTMCS dan juga dapat meningkatkan penyertaan UiTMCS dalam menyumbang kepada QS Ranking dan MyRA Score universiti.

Sumber data boleh diperolehi dari hasil program yang dijalankan oleh UTM seperti [BUKTI 1 ENCARIK GERAN](#). Bukti 3 menunjukkan sebahagian geran yang diperolehi hasil dari program ini.

Item ukuran OS-2 pula diterjemahkan dalam bentuk bilangan komuniti yang menerima atau mendapat manfaat daripada projek atau program penyebaran pengetahuan atau teknologi penyebaran silang (cross fertilization program). Sumber data boleh diperolehi dari Laporan PJI 2019 dan 2020 yang disediakan oleh pihak UCTC (Rujuk Bukti 4).

Bagi pencapaian OS-4, sumber ukuran merupakan bilangan pelajar yang mengikuti program kolaborasi dengan industri atau sangkutan di industri antarabangsa. Pengukuran dibuat dari pelaporan aktiviti yang dikumpul dan disimpan ke dalam SADaC UiTMCS yang berpusat di BHEP UiTMCS. Aktiviti kolaborasi di peringkat antarabangsa pula dikendalikan oleh OIA. Data penglibatan pelajar atau staf dikumpul dan dilaporkan menggunakan VC's Priority Tracking. Contoh-contoh pelaporan aktiviti peringkat antarabangsa boleh dirujuk dari Bukti 5.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 4.2.pdf](#)
2. [BUKTI 2 4.2.pdf](#)
3. [BUKTI 3 4.2.pdf](#)
4. [BUKTI 4 4.2.pdf](#)
5. [BUKTI 5 4.2.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kaedah pengukuran data UiTMCS kebanyakannya menggunakan instrumen-instrumen dalam talian dan antara instrumen yang kerap digunakan terutama oleh JPS bagi BT adalah sistem SPMS, KPIS dan UePMO.

Sehingga akhir tahun 2019, sistem SPMS merupakan instrumen yang diguna pakai untuk memantau perancangan strategik UiTMCS. Data yang diperolehi merupakan data serta laporan perancangan strategik bahagian atau unit di UiTMCS di mana kos, status dan ulasan disertakan. Data dimasukkan ke dalam sistem ini dua kali setahun, dibentang dan dibincang dalam MPD (Rujuk Bukti 1).

Sistem KPIS mula digunakan pada tahun 2020. Sistem ini digunakan untuk menyimpan dan memantau petunjuk prestasi (KPI) semua bahagian atau unit di UiTMCS. Oleh itu, untuk proses pengumpulan data, JPS telah mengarahkan semua unit atau bahagian menggunakan KPIS. Data yang dimasukkan merupakan data KPI sahaja, dimasukkan oleh unit atau bahagian masing-masing setiap suku tahun bagi memudahkan pemantauan prestasi berkala dan memastikan pelaksanaan perancangan strategik berjalan dengan lancar (Rujuk Bukti 1).

Sistem UePMO dibangunkan oleh BTU dan digunakan untuk memantau pencapaian projek setiap bulan di mana data pencapaian prestasi dimasukkan oleh KPS. Data-data yang berkaitan diperolehi dari setiap bahagian atau unit yang ada di UiTMCS. Data yang diperolehi memudahkan pihak pengurusan dalam memantau projek untuk memastikan proses pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan. Sistem ini hanya boleh dicapai oleh KPS, Rektor Kampus dan pihak BTU (Rujuk Bukti 2).

Selain dari instrumen-instrumen di atas, terdapat instrumen-instrumen lain yang digunakan bagi pengumpulan data yang berkaitan dengan BT. Instrumen yang diguna pakai oleh Bahagian PJI adalah MIS UiTMCS dan SMART UiTM (Rujuk Bukti 3).

Salinan Memorandum Perjanjian atau Persefahaman (MoU/MoA) direkodkan ke dalam sistem MIS oleh kerani kanan PJI selepas selesai proses MoA atau MoU. Bahagian PJI juga perlu mengemukakan laporan perkembangan aktiviti MoU kepada Jawatankuasa Memorandum Persefahaman (JKMoU) sekurang-kurangnya setiap enam bulan sepanjang tempoh aktif MOU tersebut. Walau bagaimanapun, bermula suku kedua tahun 2021, laporan-laporan ini perlu dihantar kepada Jawatankuasa Jaringan Negeri dan data lain yang berkaitan dikemas kini di dalam sistem SMART UiTM.

Sistem SMART UiTM merupakan sistem yang digunakan untuk merekod semua data komuniti, industri dan alumni berkaitan BT melalui program atau aktiviti yang telah dijalankan oleh Bahagian PJI. Data-data yang direkod, disemak terlebih dahulu oleh Penolong Pendaftar PJI sebelum dimasukkan atau dikemas kini ke dalam sistem SMART oleh kerani kanan PJI.

Selain dari pihak ICAN, data berkaitan MOU bersama pihak antarabangsa diperolehi dari OIA. OIA menggunakan template excel yang dinamakan VC's Priority Project Tracking (Rujuk Bukti 4) untuk pengumpulan data. Data yang dimasukkan merupakan data berkaitan aktiviti mobiliti di peringkat dalam dan luar negara (inbound dan outbound) serta aktiviti kolaborasi di peringkat antarabangsa yang melibatkan staf dan pelajar UiTMCS. Data yang dikumpul, dikemaskini dan dilaporkan setiap tiga bulan kepada Department of International Affairs (DIA), Shah Alam. Pelaporan MoU seterusnya diambil alih oleh pihak ICAN juga dikendalikan oleh OIA.

Data-data penglibatan pelajar dalam aktiviti bersama industri yang dijalankan oleh BHEA, BHEP, Perpustakaan dan BPJI UiTMCS, dikumpul dan disimpan di dalam SADaC yang diperkenalkan kegunaannya pada tahun 2019 (Rujuk Bukti 5). SADaC merupakan pusat bagi mengumpulkan data aktiviti pelajar UiTMCS dan dikendalikan oleh BHEP.

-
1. [BUKTI 1 4.3.pdf](#)
 2. [BUKTI 2 4.3.pdf](#)
 3. [BUKTI 3 4.3.pdf](#)
 4. [BUKTI 4 4.3.pdf](#)
 5. [BUKTI 5 4.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pencapaian BT dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisis yang telah ditetapkan. Pencapaian dipantau dengan menggunakan instrumen yang dinyatakan dalam bahagian 4.3 oleh pegawai bertanggungjawab yang terdiri daripada Penolong Pendaftar, Koordinator, penyelarasa atau staf yang dilantik. Dari data yang terkumpul, perbandingan dapat dibuat di antara pencapaian semasa dan pencapaian sebelum itu.

Pencapaian prestasi di peringkat PJI dilaporkan setiap awal bulan bagi memastikan segala perancangan untuk mencapai KPI serta perancangan strategik dilaksanakan mengikut jadual. Sebagai contoh, bagi memantau pencapaian prestasi OS-8, data BT yang dikumpul, akan disemak dan dianalisis sebelum pelaporan dibuat untuk dibentangkan di peringkat PTJ. Pelaporan bagi Bahagian PJI akan dibentangkan kepada Timbalan Rektor PJI bagi memastikan setiap aktiviti atau projek dijalankan mengikut jadual serta dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dan tindakan dapat diambil bagi aktiviti atau projek yang bermasalah (Rujuk Bukti 1).

Laporan data yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Bahagian PJI akan dikemaskini sebelum dibentangkan semula dalam MPD UiTMCS. Pada masa yang sama Koordinator Perancangan Strategik juga memainkan peranan bagi memastikan Bahagian PJI melaporkan prestasi mereka di dalam KPIS sebelum dibentangkan di dalam MPD. Penolong Pendaftar PJI bertanggungjawab memasukkan data yang telah dianalisis dan dibentangkan di peringkat PJI ke dalam KPIS. Data pencapaian ini akan dikongsi bersama dengan semua ketua-ketua jabatan lain. MPD yang dipengerusikan oleh Rektor akan membincangkan justifikasi ketidakcapaian dari Bahagian PJI serta mengenal pasti langkah tindakan pembetulan dan penambahbaikan untuk diambil. Pemantauan ini dibuat setiap bulan bagi memastikan data dapat dikemas kini dalam membantu pencapaian KPI dan perancangan strategik (Rujuk Bukti 2).

Selain dari mesyuarat pengurusan dalaman, data pencapaian juga dibentangkan di dalam mesyuarat METIC dan METPI di peringkat PJI Shah Alam dan Mesyuarat Staf Akademik (Rujuk Bukti 3) sebagai pemakluman memandangkan kebanyakan program, aktiviti atau projek BT yang dijalankan melibatkan penyertaan pensyarah. Kejayaan pencapaian prestasi juga diwar-warkan kepada warga UiTMCS melalui laporan bercetak iaitu Laporan Tahunan Bahagian PJI (Rujuk Bukti 4), e-mel dan media sosial sebagai pemberitahuan bagi menggalakkan lagi penglibatan warga di masa akan datang. Hasil analisis data BT dikongsi dengan setiap unit dan bahagian bagi merangka perancangan jangka pendek dan panjang yang lebih efektif dan relevan.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 4.4.1.pdf](#)
2. [BUKTI 2 4.4.1.pdf](#)
3. [BUKTI 3 4.4.1.pdf](#)
4. [BUKTI 4 4.4.1.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko boleh menjejaskan usaha yang dilakukan dalam pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan data. Ia juga boleh menghalang matlamat dalam mencapai KPI yang ditetapkan. Risiko perlu dikenal pasti, dinilai dan diurus atau ditangani bagi memastikan pengurusan data dapat dijalankan dengan berkesan.

Antara risiko yang dikenal pasti adalah instrumen yang sedia ada tidak disebar luas, maklumat data yang tidak relevan, data yang tidak dikemaskini, dan keselamatan dan kerahsiaan data. Langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian serta tindakan perlu diambil bagi meminimumkan risiko-risiko tersebut.

Instrumen sedia ada seperti UePMO dan KPIS mungkin tidak disebar luas kepada warga yang berkenaan bagi tujuan pengumpulan data. Tujuan instrumen ini diwujudkan adalah supaya data dikumpul dengan baik di samping menjadi pangkalan data yang bersepadu dan sistematik. Oleh itu, instrumen-instrumen ini perlu disebar luas kepada pengguna dengan pemakluman dan peringatan melalui laman web UiTMCS atau e-mel staf. Bagi memudahkan penggunaan instrumen-instrumen yang digunapakai, instrumen bersesuaian perlu dimuat naik ke dalam Formbook dalam laman web UiTMCS (Rujuk Bukti 1).

Bagi mengelakkan risiko di mana maklumat data yang tidak relevan mungkin digunakan, pegawai bertanggungjawab akan terlebih dahulu mengenal pasti kelemahan data yang digunakan. Sebelum pelaporan dibuat, pegawai bertanggungjawab akan mengenal pasti kesesuaian data yang hendak dilapor dengan menganalisa data tersebut. Untuk risiko data yang tidak dikemas kini, tindakan proaktif pegawai bertanggungjawab perlu bagi mengemas kini data dengan lebih kerap. Setiap unit kini mempunyai carta alir untuk setiap proses kerja, hasil daripada Bengkel Pemantapan Dalam Bahagian PJI yang diadakan pada 16 hingga 19 Disember 2020 di UiTMCS, Kampus Mukah. Carta alir ini telah membantu dalam memastikan proses kerja mengambil kira data yang relevan dikumpul bagi memastikan perincian laporan pencapaian yang dianalisis sebelum dibentang dalam MPD supaya validasi data dan tindakan susulan dapat dibuat (Rujuk Bukti 2).

Keselamatan dan kerahsiaan data merupakan risiko yang penting dalam era digital kini di mana kesukaran melindungi data digital dari tindakan yang tidak diingini seperti serangan siber dan pelanggaran atau penggodaman data akan mengakibatkan kerugian kepada pihak universiti. Oleh itu, pengesahan aplikasi dalam talian seperti penggunaan ID log masuk dan kata laluan ditekankan supaya maklumat hanya boleh diakses oleh pengguna yang dibenarkan sahaja. Jabatan Infostruktur sering mengingatkan warga UiTM dengan mengeluarkan pekeliling atau poster berkaitan dasar ICT sebagai langkah pencegahan (Rujuk Bukti 3 dan Bukti 4).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 4.4.2.pdf](#)
2. [BUKTI 2 4.4.2.pdf](#)
3. [BUKTI 3 4.4.2.pdf](#)
4. [BUKTI 4 4.4.2.pdf](#)

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelaporan yang melibatkan data dibentangkan dan dibincangkan dalam pelbagai mesyuarat pengurusan di UiTMCS. Bagi BT yang dipilih, pelaporan dibuat di dalam Mesyuarat Bahagian PJI bagi membincangkan projek atau aktiviti yang berkaitan. Seterusnya, ianya dilaporkan dan dibincangkan semula dalam MPD di mana setiap bahagian atau unit akan membentangkan pelaporan bahagian atau unit masing-masing kepada pihak pengurusan UiTMCS.

Selain dari MPD UiTMCS, pencapaian prestasi KPI dan PI BT juga akan dibentangkan oleh Koordinator Perancangan Strategik di dalam MPD pada setiap bulan dan kajian semula di dalam MKSP pada pertengahan tahun (Rujuk Bukti 1). Pengukuran dan analisis data membantu Koordinator Perancangan Strategik dalam pelaporan pencapaian Objektif Kualiti 7 yang berkaitan BT seperti melonjakkan kecemerlangan universiti dari segi bilangan MOU atau MOA yang diperolehi setahun dan bilangan projek yang dijalankan bersama industri dan masyarakat dalam setahun (Rujuk Bukti 2).

Penganalisan hasil tindakan telah membawa kepada penambahbaikan proses perekodan, penyimpanan, penganalisan dan pelaporan data. Hasil kajian semula ini telah berjaya menghasilkan produk inovasi yang dibangunkan sendiri oleh UiTMCS seperti SPMS, KPIS dan MIS. SPMS dan KPIS merupakan sistem dalam talian yang dibangunkan untuk memantau perancangan strategik UiTMCS dan menyimpan sasaran KPI semua unit di UiTMCS. Data pencapaian yang dimasukkan oleh ketua unit atau bahagian ke dalam KPIS, memudahkan Koordinator Perancangan Strategik dan koordinator-koordinator BT memantau secara dalam talian pelaksanaan inisiatif serta membuat tindakan pembetulan bagi memastikan sasaran KPI dapat dicapai. Sebagai contoh, hasil kajian semula yang dilaksanakan oleh UiTMCS ini telah membawa kepada inovasi MIS di mana ianya telah menjadi sistem bersepadu bagi merekod memorandum persefahaman dan perjanjian yang telah ditandatangani dengan pihak industri atau agensi luar. Instrumen baru dan terkini yang terhasil dari kajian semula dalam penambahbaikan pengukuran data adalah SADaC dan e-PJI Directory yang dibangunkan sendiri oleh UiTMCS (Rujuk Bukti 3).

Sistem-sistem yang telah dibangunkan dan diguna pakai di UiTMCS ini secara langsung memudahkan penyimpanan data secara sistematik dan membolehkan penjana laporan secara automatik. Penjana laporan boleh dilakukan oleh PTJ pada bila-bila masa. Ianya juga membolehkan pemantauan data dilakukan secara menyeluruh dan telus. Secara tidak langsung, data penting di UiTMCS dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan serta dijadikan rujukan pihak lain sekiranya perlu.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 4.4.3.pdf](#)
2. [BUKTI 2 4.4.3.pdf](#)
3. [BUKTI 3 4.4.3.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Memandangkan kepentingan pengukuran data, analisis dan pengurusan pengetahuan dalam memastikan objektif strategik BT dicapai, pelbagai usaha penambahbaikan telah diambil oleh UiTMCS. Antara usaha tersebut adalah dengan menambah baik sistem sedia ada bagi memastikan semua data yang relevan dapat diambil (captured) dan digunakan sebaik mungkin terutama bagi tujuan pelaporan.

Sistem-sistem yang disebut dalam bahagian 4.3 telah banyak membantu dalam pengurusan data terutama sekali dalam penganalisan data BT. Bagi memastikan penambahbaikan sentiasa berterusan, hasil dari kajian semula telah memberi inspirasi kepada Jawatankuasa Perancangan Strategik UiTMCS untuk meningkatkan lagi sistem KPIS sebagai nilai tambah. Ianya juga memudahkan pemantauan kerana ianya menggabungkan data dari pelbagai sumber dan meneroka serta menganalisis data secara terperinci mengenai keseluruhan organisasi, jabatan dan proses tertentu dalam waktu sebenar (realtime) (Rujuk Bukti 1).

Perpindahan atau pertukaran dari sistem SPMS ke KPIS pada tahun 2020 merupakan satu lagi contoh penambahbaikan berterusan UiTMCS bagi menghasilkan penganalisan data yang tepat. Perbezaan di antara dua sistem ini agak ketara melibatkan maklumat data yang dimasukkan di mana sistem SPMS menyimpan data dan laporan perancangan strategik PTJ bagi tujuan memantau pelaksanaan perancangan strategik, manakala sistem KPIS menyimpan data pencapaian KPI dan PI di mana ia lebih fokus dalam pemantauan pencapaian prestasi untuk memastikan kesemua objektif strategik setiap PTJ, khususnya BT dapat dicapai dan dilaksanakan dengan berkesan (Rujuk Bukti 2).

Bahagian PJI juga telah membangunkan sistem baru iaitu e-PJI Directory yang telah diguna pakai secara berperingkat pada tahun 2020. Sistem ini digunakan untuk merekod data staf yang terlibat dalam program yang berkaitan dengan industri, komuniti dan alumni dengan lebih efisien dan sistematik. Ianya juga memudahkan pencarian data bagi projek atau aktiviti yang berkaitan BT (Rujuk Bukti 3).

Bagi memastikan adanya sistem yang boleh mengumpul data aktiviti pelajar dalam melaporkan data secara tepat, BHEP telah membangunkan SADaC iaitu satu sistem pelaporan data bersepadu. Pembangunan SADaC telah dibentangkan dalam MPE pada April 2019. Ianya menjadi pusat bagi pengumpulan data aktiviti pelajar yang dianjurkan oleh BHEP, BHEA, Bahagian PJI dan Perpustakaan. Antara data aktiviti pelajar yang berkaitan dengan BT adalah mobiliti pelajar serta sangkutan pelajar di industri dalam negara dan antarabangsa. SADaC telah mula digunakan di UiTMCS pada penghujung tahun 2019 (Rujuk Bukti 4).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 4.5.pdf](#)
2. [BUKTI 2 4.5.pdf](#)
3. [BUKTI 3 4.5.pdf](#)
4. [BUKTI 4 4.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia adalah merupakan aset utama sesebuah organisasi. Kekuatan dan kelemahan sumber manusia memainkan peranan dalam memastikan sasaran Universiti ke arah universiti bertaraf dunia tercapai. Oleh itu, untuk memastikan kecemerlangan Universiti berterusan, UiTMCS telah merancang dan memperincikan guna tenaga sumber manusia supaya selari dengan hasrat dan aspirasi yang ditetapkan oleh Universiti dalam Pelan Strategik UiTM 2025. Pelan Strategik UiTM 2025 ini sejajar dengan dasar dan perancangan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.

UiTMCS menitikberatkan pendekatan yang mampu menggerakkan sumber manusianya selari dengan hasrat dan aspirasi Pelan Strategik UiTM 2025. **Empat pendekatan** yang digunakan untuk pengurusan sumber manusia UiTMCS adalah **#PensionInStyle**, **#PadananKepakaran**, **#UkhuwahStaf** dan **#LatihanStaf**. Pendekatan **#PensionInStyle** menekankan kepada perancangan perjalanan kerjaya setiap staf. UiTMCS juga percaya padanan yang tepat di antara kepakaran dan pengalaman staf akademik adalah penting untuk kejayaan sesuatu aktiviti penyelidikan atau konsultasi. Pendekatan **#PadananKepakaran** pula digunakan untuk memastikan kepakaran staf akademik dioptimumkan dengan sebaiknya. Pendekatan **#UkhuwahStaf** adalah ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang positif dan mesra. *Espirit de corps* yang tinggi dapat memastikan setiap kegiatan organisasi berjalan dengan lancar dan menjamin kejayaan inisiatif-inisiatif strategik UiTMCS. Latihan dan pembangunan staf diberi penekanan melalui pendekatan **#LatihanStaf**. Elemen ini amat diperlukan untuk mewujudkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi sebagai usaha berterusan universiti bagi meningkatkan prestasi staf.

UiTMCS telah mengguna pakai **5 kaedah** yang mengaplikasikan perkaitan di antara tahap kompetensi dalam bidang yang diceburi oleh staf untuk mengoptimumkan pengurusan kepakaran. Kaedah ini dipraktikkan untuk memastikan pemilihan staf berdasarkan kesesuaian kepakaran untuk dipadankan dengan keperluan semasa industri. Kaedah pemilihan staf yang dilaksanakan oleh UiTMCS adalah pemilihan **Peringkat Pengurusan Atasan UiTMCS**, **Peringkat Bahagian/Unit/Fakulti**, **Peringkat Bahagian Pentadbiran**, **Sistem e-Latihan** dan **Sistem PuTRAS**.

Pemantauan yang berkala penting untuk memastikan penglibatan yang optimum. UiTMCS telah melaksanakan pemantauan melalui beberapa mesyuarat iaitu **MPE**, **MPD**, **Mesyuarat Peringkat Bahagian/Unit/Fakulti**, **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia**, **Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN)** dan **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)**.

Pengurusan risiko dan implikasinya terhadap kemampuan staf untuk melaksanakan fungsi dan objektif universiti amat penting. Ianya tidak terhad kepada penyelarasan aktiviti bagi mengurangkan berlaku kerugian semata-mata, malah melibatkan aktiviti penyelarasan bersepadu bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengganggu operasi universiti. UiTMCS telah mengambil pendekatan pengurusan risiko sumber manusia berdasarkan kepada **kategori Risiko Kekangan Masa**, **Kekangan Komitmen Staf**, **Kekangan Penyediaan Kewangan** dan **Jam Latihan Tidak Mencukup**. Kesemua kategori risiko ini mempunyai pelan tindakan yang membantu mengatasinya jika risiko berlaku. **Training Need Analysis (TNA)** juga telah dilaksanakan untuk menganalisis keperluan latihan staf.

Sistem e-Aduan digunakan untuk melaporkan kerosakan di tempat kerja bagi memastikan keselesaan persekitaran kerja staf UiTMCS, .

Era globalisasi dan teknologi maklumat memerlukan kemahiran dan pengetahuan sebagai syarat penting dalam usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan sumber manusia. Penglibatan aktif staf UiTMCS dalam pertandingan inovasi merupakan kekuatan untuk staf membantu UiTMCS dalam pembangunan sistem. Ini dibuktikan dengan pembangunan beberapa sistem untuk kegunaan pengurusan data UiTMCS. Data staf yang terlibat dengan penyelidikan, inovasi, projek komuniti dan kolaborasi bersama industri turut dibangunkan. Dua sistem yang telah dibangunkan adalah **Sistem PuTRAS** dan **Sistem e-PJI Directory** yang merekodkan data penglibatan staf dengan lebih sistematik. Sistem PuTRAS dibangunkan untuk penyimpanan data penglibatan staf dalam inovasi dan penerbitan. Manakala, Sistem e-PJI Directory merekod data penglibatan staf dalam projek berkaitan industri, alumni dan komuniti. Staf yang telah mencapai kecemerlangan dan kejayaan dianugerahkan pengiktirafan oleh pihak pengurusan UiTMCS. Pengiktirafan ini dikongsikan secara maya melalui **Facebook Rektor UiTMCS** dan sesi bersua muka semasa **Hari Inovasi UiTMCS**. Pengiktirafan sebegini mampu memotivasikan staf UiTMCS yang lain untuk terus meningkatkan kecemerlangan dan memperlihatkan UiTMCS melalui kolaborasi strategik bersama industri secara berterusan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCS menggunakan pendekatan yang mampan dan berkesan untuk menghasilkan warga yang cemerlang agar selari dan mencapai matlamat organisasi serta aspirasi Pelan Strategik UiTM 2025. Pendekatan yang digunakan adalah seperti berikut:

#PensionInStyle

Merancang persaraan adalah penting bagi memastikan kehidupan yang selesa selepas persaraan kelak. Pihak pengurusan UiTMCS amat mengambil berat perkara ini dan sentiasa mengingatkan semua staf untuk mencorak perjalanan kerjaya sehingga dapat bersara dengan bergaya. Staf sentiasa diingatkan tentang kepentingan untuk perancangan yang rapi dan memastikan aktiviti yang dilakukan dapat melayakkan mereka untuk memohon kenaikan pangkat. Langkah-langkah ini memudahkan UiTMCS untuk menominasi dan menyokong staf yang berkelayakan untuk kenaikan pangkat (Rujuk Bukti 1). Staf bukan akademik sentiasa diingatkan untuk meningkat kompetensi dengan menghadiri latihan-latihan yang disediakan pihak Universiti atau atas inisiatif sendiri sebagai persediaan yang perlu untuk proses kenaikan pangkat. Pendekatan ini dibuktikan efektif dengan bilangan kenaikan pangkat yang meningkat setiap tahun.

#PadananKepakaran

UiTMCS percaya bahawa kejayaan aktiviti penyelidikan dan konsultasi bergantung kepada padanan yang tepat di antara kepakaran dan pengalaman staf akademik. Padanan kepakaran ini memastikan kepakaran staf akademik dioptimumkan dengan sebaiknya. Pendekatan ini dijalankan secara sistematik agar jurang keupayaan dapat diminimumkan. Contohnya, penganjuran Konferensi Antarabangsa Aplikasi Komputer dan Dron (IConDA) yang diadakan pada tahun 2019 merupakan kolaborasi di antara UiTMCS dan kerajaan negeri Sarawak. Ia melibatkan pensyarah dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik (Rujuk Bukti 1). Hasil kejayaan konferensi ini telah UiTMCS diberi kepercayaan sekali lagi untuk menganjurkan konferensi ini pada tahun 2020.

Pendekatan #PadananKepakaran ini telah memastikan kejayaan aktiviti penyelidikan dan konsultasi dan seterusnya telah mengukuh jaringan dengan pihak industri dan membuka peluang untuk lebih banyak aktiviti penyelidikan dan konsultasi (Rujuk Bukti 2). Pengiktirafan kepakaran dan pengalaman staf dapat dilihat juga dengan jemputan sebagai penceramah, fasilitator, panel penilai, juri, ahli jawatankuasa dan lain-lain. Pihak luar juga telah menjemput UiTMCS untuk berkolaborasi dalam beberapa projek. Misalnya, projek menaik taraf bandar Kuching di mana Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) melantik UiTMCS untuk membina arca dan melukis mural di beberapa kawasan strategik di Kuching. Ini menyumbang ke arah ketampakan UiTMCS (Bukti 2).

#UkhuwahStaf

Semangat kerjasama dalam sesebuah organisasi adalah penting. Ini menyumbang kepada persekitaran kerja yang positif, mesra dan seterusnya dapat memastikan setiap kegiatan organisasi berjalan dengan lancar. Espirit de corps yang tinggi ini juga adalah formula yang menjamin kejayaan inisiatif-inisiatif strategik UiTMCS. Kelab Kakitangan (KEKiTA) ditubuhkan di UiTMCS khusus untuk memupuk semangat muhibbah di kalangan ahli. Kelab KEKiTA dan PEWANI membantu pihak pengurusan menangani masalah keharmonian yang wujud di antara staf. Penganjuran pelbagai aktiviti oleh kelab ini meningkatkan keharmonian di kalangan staf dan mewujudkan suasana budaya kerja yang mesra, cemerlang dan berkualiti (Rujuk Bukti 3).

Gandingan mantap di kalangan staf membantu memastikan kejayaan aktiviti di peringkat fakulti, kampus atau universiti serta aktiviti bersama pihak luar seperti industri dan badan profesional. Pendekatan ini ternyata berkesan di mana beberapa anugerah telah dimenangi oleh Bahagian PJI seperti Anugerah Kategori Pemindahan Teknologi, Kategori Pemindahan Ilmu, Sumber Dana Terbaik dan Anugerah Jaringan Komuniti Terbaik dalam tahun 2019. Pada tahun 2020, UiTMCS telah memenangi Anugerah Kategori Alumni Menjadi Usahawan (Jaringan Alumni) dan Kategori Pemindahan Ilmu (Jaringan Komuniti) (Rujuk Bukti 3).

#LatihanStaf

Latihan dan pembangunan staf merupakan usaha berterusan universiti untuk meningkatkan prestasi staf. Elemen ini penting sebagai motivasi serta untuk mewujudkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Latihan diperlukan untuk mengisi ruang yang mungkin wujud di antara keperluan dan kepakaran staf. Staf yang diberi latihan akan meningkatkan kemahiran secara konsisten dan mendorong mereka menjadi lebih berdikari dan kreatif. Ini meningkatkan keyakinan staf untuk menjalankan aktiviti bersama pihak industri. Pendekatan ini secara tidak langsung meningkatkan ketampakan universiti dan menangani masalah hubungan warga dalam universiti (Rujuk Bukti 4).

Pengurusan latihan bagi staf dilakukan melalui sistem eLatihan yang membolehkan staf menentukan latihan yang diperlukan dan sesuai untuk pembangunan diri. UiTMCS memastikan setiap staf sekurang-kurangnya telah menghadiri 42 jam latihan setahun. Bilangan staf yang menghadiri latihan didapati bertambah setiap tahun (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [Area 5_5.2 Bukti 1.pdf](#)
2. [Area 5_5.2 Bukti 2.pdf](#)
3. [Area 5_5.2 Bukti 3.pdf](#)
4. [Area 5_5.2 Bukti 4.pdf](#)
5. [Area 5_5.2 Bukti 5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Staf yang kompeten ialah staf yang mempunyai kemahiran insaniah dan sahsiah unggul yang merupakan pakej lengkap sumber manusia berprestasi tinggi. UiTMCS mengaplikasikan 5 kaedah dalam pengurusan sumber manusia ke arah pembangunan staf yang kompeten. Kaedah ini dipraktikkan untuk memastikan kepakaran dan bidang adalah sepadan dan bersesuaian dengan industri atau agensi luar yang berkaitan. Ianya meningkatkan kepercayaan industri atau agensi untuk mengadakan kolaborasi berterusan dengan UiTMCS.

1. Peringkat Pengurusan Atasan UiTMCS

Penglibatan warga UiTMCS dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan kolaborasi serta jaringan industri bermula dengan sokongan dan kelulusan daripada pihak pengurusan UiTMCS. Ini adalah untuk memastikan pemilihan kepakaran sumber manusia yang tepat dan bersesuaian bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan, perundingan dan kolaborasi. UiTMCS mempraktikkan penerimaan jemputan pihak industri yang bertujuan mengadakan kolaborasi bersama (Rujuk Bukti 1). Ini membolehkan pihak Bahagian/Fakulti di UiTMCS berkomunikasi dengan berkesan seterusnya membuat pemilihan warga UiTMCS yang bersesuaian dan berkelayakan untuk bekerjasama dengan pihak industri.

2. Peringkat Pengurusan Bahagian/Unit/Fakulti UiTMCS

Proses pemilihan staf ini juga merujuk kepada cadangan pihak Bahagian/Unit/Fakulti yang berkenaan. Rektor akan mengeluarkan memo untuk pemakluman atau arahan kepada Bahagian/Unit/Fakulti yang berkaitan (Rujuk Bukti 2). Pada peringkat ini, KB/KU/KPP memastikan staf yang sesuai dicadangkan untuk pelaksanaan projek yang ditawarkan berdasarkan kepada bidang kepakaran, penglibatan aktif staf dan kepimpinan.

3. Peringkat Pengurusan Maklumat Latihan (Pentadbiran) UiTMCS

Maklumat latihan warga UiTMCS juga boleh dirujuk dari Unit Latihan, Bahagian Pentadbiran untuk memantapkan pemilihan staf yang sesuai terlibat dalam sesuatu projek/aktiviti jaringan industri. Unit Latihan menyediakan maklumat berkenaan kepakaran staf, latihan yang telah diikuti oleh staf dan maklumat kelayakan profesional staf (Rujuk Bukti 3). Maklumat-maklumat ini penting untuk memastikan staf yang dipilih mempunyai tahap pengetahuan dan kepakaran yang setanding dengan keperluan industri.

4. Sistem e-Latihan

Pengoptimuman sumber manusia juga dirujuk melalui sistem yang sedia ada iaitu Sistem e-Latihan (Rujuk Bukti 4) untuk mengetahui latihan yang telah dihadiri oleh staf dan juga latihan yang ditawarkan kepada staf bersesuaian dengan bidang dan kepakaran masing-masing. Penggunaan sistem ini memberi peluang dan ruang untuk staf meningkatkan kepakaran dalam bidang.

5. Sistem PuTRAS

UiTMCS telah membangunkan sistem Publication, Training, and Research Application System (PuTRAS) untuk merekod penglibatan staf yang terlibat dengan projek inovasi dan penyelidikan (Rujuk Bukti 5). Sistem PuTRAS menyediakan ruang khas untuk staf merekodkan pencapaian dalam inovasi dan penyelidikan. Staf yang telah mengikuti pertandingan inovasi perlu mendaftarkan penyertaan dalam sistem dan seterusnya melalui proses validasi oleh pegawai yang bertanggungjawab.

SENARAI BUKTI :

1. [Area 5_5.3 BUKTI 1.ppt](#)
2. [Area 5_5.3 Bukti 2.pdf](#)
3. [Area 5_5.3 Bukti 3.pdf](#)
4. [Area 5_5.3 Bukti 4.pdf](#)
5. [Area 5_5.3 Bukti 5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCS mengaplikasikan kaedah pemantauan melalui 6 mesyuarat yang diadakan secara berkala. Pemantauan aktiviti dijalankan melalui pelaporan yang dibentangkan dalam **Mesyuarat MPE, MPD** dan **Mesyuarat Fakulti/Bahagian/Unit**. MPE (Rujuk Bukti 1) dan MPD (Rujuk Bukti 2) diadakan setiap bulan sementara Mesyuarat Fakulti/Bahagian Unit diadakan sebanyak 4 – 6 kali setahun (Rujuk Bukti 3). Pembentangan aktiviti staf dan pelajar oleh Fakulti/Bahagian/Unit dalam MPD adalah untuk memastikan aktiviti-aktiviti ini menjurus kepada KPI Universiti. Pelaporan dalam mesyuarat adalah untuk memantau penglibatan staf dalam aktiviti yang dianjurkan. Sementara itu, pelaporan dalam MPE hanya diperlukan apabila aktiviti memerlukan kelulusan pengurusan atasan UiTMCS. Pelaporan ini juga dapat mengenal pasti pensyarah yang mendapat lantikan dari pihak luar. Lantikan ini merupakan jaringan dengan industri serta pihak luar lain dan berpotensi untuk menjalinkan kolaborasi serta kerjasama pada masa depan. Selain itu, laporan ringkas perkembangan projek atau aktiviti akan dikemukakan kepada pihak industri atau agensi untuk pemakluman status projek. **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia (JPSM)** (Rujuk Bukti 4) juga merupakan kaedah untuk memantau staf yang terlibat dengan program latihan yang diadakan dalam dan luar universiti.

Pemantauan yang telah dilaksanakan oleh UiTMCS diperkukuhkan lagi dengan adanya **Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN)** dan **Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)**. Mesyuarat JKJN merupakan platform untuk melaporkan perkara dan hal berkaitan pelaksanaan aktiviti jaringan industri dan pengembangan komuniti (Rujuk Bukti 5) . Penglibatan aktif staf akademik dalam penyelidikan, penulisan dan penerbitan turut dilaporkan dalam Mesyuarat JPN (Rujuk Bukti 5). Mesyuarat JPN juga merupakan wadah untuk sesi perbincangan berkenaan dana penyelidikan dalaman atau pun luaran serta penyelidikan kolaborasi bersama agensi, industri dan juga universiti.

Pendekatan **Traffic Light Management** (Bukti 1) digunakan oleh pihak pengurusan untuk memantau kecukupan staf. Warna hijau, kuning dan merah menggambarkan status sumber manusia dalam sesuatu Bahagian/Fakulti/Unit. Warna hijau menandakan sumber manusia adalah mencukupi dan semua waran telah diisi. Bahagian/Fakulti/Unit yang masih mempunyai waran yang belum diisi akan diletak dalam mod kuning. Mod ini menunjukkan walaupun bilangan staf masih belum mencukupi, Bahagian/Fakulti/Unit masih dapat beroperasi dengan baik. Warna merah pula menunjukkan keadaan sumber manusia yang kritikal di mana kekosongan terlalu lama belum diisi atau kekosongan diisi oleh staf kontrak atau separuh masa.

SENARAI BUKTI:

1. [Area 5_5.4.1 Bukti 1.pdf](#)
2. [Area 5_5.4.1 Bukti 2.pdf](#)
3. [Area 5_5.4.1 Bukti 3.pdf](#)
4. [Area 5_5.4.1 Bukti 4.pdf](#)
5. [Area 5_5.4.1 Bukti 5.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko melibatkan aktiviti penyelarasan bersepadu bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengganggu operasi universiti termasuk aktiviti pembangunan sumber manusia. Aktiviti pembangunan sumber manusia perlu dijalankan dengan berkesan supaya pembangunan profesional warga UiTMCS tetap dilaksanakan walaupun wujud gangguan luar jangka. Penambahbaikan dan pementapan sistem pengurusan risiko yang berkesan adalah perlu bagi memastikan isu-isu sumber manusia dapat diatasi dengan sistematik dan dapat meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan. Tindakan yang pantas diambil ke atas sebarang ketidakpuasan hati serta aduan daripada kalangan staf mengenai persekitaran dan sistem kerja. Bukti 1 menerangkan **risiko berkaitan sumber manusia dan persekitaran dan sistem kerja** yang telah dikenal pasti dan **pelan tindakannya**.

Pengurusan latihan bagi staf dilakukan melalui sistem e-Latihan. Sistem ini memberi ruang kepada staf untuk menentukan latihan yang diperlukan dan sesuai untuk pembangunan diri. UiTMCS telah mengambil inisiatif untuk menjalankan analisis keperluan **Latihan (TNA)** untuk mengenal pasti keperluan latihan. Analisis menggunakan Google Form (Rujuk Bukti 1) ini dapat memastikan latihan difokuskan kepada individu dan situasi mengikut keperluan.

Pihak pengurusan akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas sebarang ketidakpuasan hati serta aduan di kalangan staf mengenai persekitaran dan sistem kerja. Aduan berkaitan fasiliti dan ICT dilakukan dengan mengisi borang **e-Aduan Fasiliti** (Rujuk Bukti 2) dan juga borang atas talian aduan ICT. Setiap aduan yang diterima akan diteliti untuk memastikan tindakan yang sewajarnya dapat diambil dengan pantas.

Pengurusan risiko merupakan salah satu amalan terbaik yang diiktiraf dalam tadbir urus UiTMCS. Ianya memberi faedah yang besar dalam mengawal pembaziran dan mengurangkan kos. UiTMCS telah menubuhkan **Jawatankuasa Pengurusan Risiko** (Rujuk Bukti 3) yang dipengerusikan oleh Rektor untuk mewujudkan proses pengurusan risiko yang berhemat, efisien dan efektif. Jawatankuasa ini membantu memperkasakan sistem tadbir urus universiti untuk menyokong pelaksanaan pelan strategik universiti. Selain itu, jawatankuasa ini dapat memupuk amalan celik risiko di kalangan warga kampus. Rektor UiTMCS memainkan fungsi pengawasan penting dan memastikan pengurusan kampus mempunyai sistem pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang mantap bagi mengekalkan tadbir urus korporat yang baik.

UiTMCS turut menangani isu pandemik Covid-19 yang telah melanda negara dan menyebabkan penilaian semula risiko pengoperasian untuk menangani isu tersebut. **Jawatankuasa Keselamatan UiTMCS** telah ditubuhkan bagi menggerakkan operasi berkaitan pandemik (Rujuk Bukti 4). Pendekatan langkah mitigasi dan tindakan melibatkan pengurusan sumber manusia semasa pandemik adalah memastikan staf masih boleh melaksanakan tugas harian secara Bekerja Dari Rumah (BDR) dan penggiliran keberadaan staf secara fizikal. UiTMCS membuat pelarasan pengoperasian dengan Jawatankuasa Bencana Negeri Sarawak untuk memastikan piawaian dalam penetapan prosedur yang melibatkan keberadaan staf di kampus semasa pandemik (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [Area 5 5.4.2 Bukti 1.pdf](#)

-
2. [Area 5_5.4.2 Bukti 2.pdf](#)
 3. [Area 5_5.4.2 Bukti 3.pdf](#)
 4. [Area 5_5.4.2 Bukti 4.pdf](#)
 5. [Area 5_5.4.2 Bukti 5.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCS sentiasa mengamalkan penambahbaikan pengurusan kampus secara berterusan melalui amalan berikut:

Internal #amalan pembudayaan

Pendekatan secara dalaman yang digunakan telah mewujudkan budaya perkongsian ilmu di kalangan staf. Impak daripada **pembudayaan** ini dapat dilihat dari segi penyelidikan, inovasi, kepakaran dan keusahawanan. Dari segi penyelidikan, penganjuran konferensi akan mewujudkan peluang kolaborasi di peringkat nasional dan antarabangsa. Produk inovasi yang dihasilkan oleh staf juga telah mendapat pengiktirafan dari pihak luar. Pada tahun 2019, UiTMCS telah mengambil bahagian dalam beberapa pertandingan inovasi seperti Invention, Innovation and Design (IID) Shah Alam, Sarawak Invention, Innovation and Design Expo (SIIDEx), UNESCO Award of Excellence for Handicrafts (South-East Asia & South Asia) Language Innovation, Invention dan Designs LIID 2019 dan The Innovative Handicraft Competition & Expo UiTM Sarawak 2019 dan telah memenangi beberapa pingat (Rujuk Bukti 1). Jemputan staf sebagai pakar rujuk, pakar runding, panel penilai, penceramah, dan tenaga pengajar oleh pihak luar juga membuktikan ketampakan kepakaran staf UiTMCS (Rujuk Bukti 2).

External #benchmarking

Pihak pengurusan memberi tumpuan kepada proses penambahbaikan secara berterusan di mana kecemerlangan sesuatu output itu banyak bergantung kepada proses-proses yang terlibat dalam penghasilannya. **Penandaarasan** merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk tujuan penambahbaikan secara luaran. Lawatan penandaarasan dilakukan oleh pihak pengurusan UiTMCS untuk melihat amalan terbaik bagi sesuatu proses dan meyesuakannya untuk dilaksanakan di UiTMKS. Contohnya, lawatan penandaarasan ke Universiti Kebangsaan Chung Cheng, Taiwan, lawatan ke Shieng-Diao Aquatic Technology Taiwan dan lawatan ke UiTM Cawangan Melaka. Pihak luar juga menjalankan lawatan penandaarasan ke UiTMKS untuk tujuan yang sama (Rujuk Bukti 3).

Semua aktiviti ini memastikan jaringan industri yang holistik dan akan memberi impak yang tinggi kepada UiTMCS. Proses transformasi keilmuan dan idea-idea inovatif berjaya meningkatkan ketampakan serta kredibiliti UiTMCS di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Budaya perkongsian ilmu telah menjadi asas peningkatan kualiti dan produktiviti yang berkesan kerana ia membantu untuk mengkoordinasikan aktiviti jaringan industri dan membina budaya kerja dan nilai bersama yang cemerlang (Rujuk Bukti 4). Di samping itu, ia mampu mewujudkan kerjasama strategik dan jaringan industri di antara institusi kerajaan, swasta dan universiti luar melalui MoU atau MoA (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [Area 5_5.4.3 Bukti 1.pdf](#)
2. [Area 5_5.4.3 Bukti 2.pdf](#)
3. [Area 5_5.4.3 Bukti 3.pdf](#)
4. [Area 5_5.4.3 Bukti 4.pdf](#)
5. [Area 5_5.4.3 Bukti 5.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Insentif Staf

#warwarFB

UiTMCS mempraktikkan pendekatan pengurusan sumber manusia yang dinamik dalam kalangan warga kampus untuk menggerakkan transformasi ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang. Sehubungan itu, pengurusan prestasi, pengiktirafan dan ganjaran dalam pengurusan sumber manusia perlu diambil kira serta dilaksanakan secara berterusan untuk memotivasikan warga kampus. Kaedah ini mampu mempamerkan prestasi staf yang cemerlang dengan mewujudkan ekspektasi terhadap penilaian keberhasilan, penetapan akauntabiliti, penyediaan ganjaran dan pengiktirafan. Pengiktirafan seperti ini juga dapat memberikan manfaat kepada UiTMCS untuk melaksanakan penambahbaikan secara berterusan. Penghargaan dan pemberitahuan kejayaan-kejayaan staf UiTMCS diwar-warkan melalui saluran penyebaran informasi yang sangat efisien iaitu melalui media sosial **#warwarFB**. Momen-momen kejayaan staf UiTMCS disalurkan terus kepada Unit Korporat UiTMCS untuk diwar-warkan ke dalam **Facebook Rektor UiTM Sarawak** (<https://www.facebook.com/rektor.sarawak>) (Rujuk Bukti 1).

#Hari Inovasi UiTMCS

UiTMCS turut mengambil inisiatif yang proaktif dengan mengadakan Anugerah Kualiti UiTMCS pada **Hari Inovasi UiTMCS** setiap tahun. Anugerah Kualiti UiTMCS ini bertujuan untuk mengiktiraf serta memperkasa budaya kerja cemerlang warga kampus secara holistik dan menggalakkan persaingan sihat untuk kecemerlangan Universiti. Warga kampus yang cemerlang dianugerahkan hadiah berbentuk Sijil Penghargaan (Rujuk Bukti 2) dan Wang Tunai sebagai ganjaran. Anugerah-anugerah yang telah diperkenalkan adalah berdasarkan kepada kategori seperti dalam Jadual (Rujuk Bukti 2).

#APC UiTMCS

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) juga merupakan penghargaan berbentuk ganjaran dan pengiktirafan kepada warga yang mempamerkan prestasi cemerlang setiap tahun. Penganugerahan ini dilaksanakan semasa Hari Inovasi UiTMCS yang juga merupakan wadah bagi warga kampus bersua dan berkongsi momen kejayaan (Rujuk Bukti 3).

Inovasi

Sistem PuTRAS

Keupayaan mengaplikasikan sistem maklumat secara atas talian merupakan kelebihan bagi UiTMCS dalam memperkasakan pengurusan hal berkaitan sumber manusia. Warga UiTMCS sangat komited dalam usaha membangunkan sistem yang membantu pengurusan sumber manusia iaitu PuTRAS (Rujuk Bukti 4). **Sistem PuTRAS** merupakan pangkalan data yang telah digunakan untuk merekodkan data penglibatan staf UiTMCS dalam inovasi dan penyelidikan.

Sistem e-Directory PJI

UiTMCS telah membangunkan **e-Directory PJI** (Rujuk Bukti 5). Sistem dalam talian ini telah

digunakan secara berperingkat bermula pada penghujung tahun 2020. Idea inovasi ini tercetus untuk merekodkan data staf yang terlibat dalam program yang berkaitan dengan alumni, industri dan komuniti dengan lebih efisien dan sistematik. Sistem ini memudahkan pencarian data berkaitan projek atau aktiviti.

SENARAI BUKTI :

1. [Area 5_5.5 Bukti 1.pdf](#)
2. [Area 5_5.5 Bukti 2.pdf](#)
3. [Area 5_5.5 Bukti 3.pdf](#)
4. [Area 5_5.5 Bukti 4.pdf](#)
5. [Area 5_5.5 Bukti 5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan operasi yang berkaitan dengan Jaringan Industri & Keusahawanan amat dititik beratkan oleh UiTMCS dalam usaha untuk mengoptimumkan kecekapan organisasi. Proses Operasi UiTMCS sentiasa melibatkan aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan berterusan. Selain itu, UiTMCS juga yakin bahawa dengan operasi yang baik akan membantu kerajaan dalam mencapai aspirasi kecemerlangan global di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 dan seterusnya memacu UiTM menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025 selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2020 – 2025. Oleh itu, UiTMCS telah memperkenalkan tiga inisiatif pengurusan operasi utama yang jitu iaitu Inisiatif #Kolaborasi Mantap, Inisiatif #Juh Encarik Geran dan Inisiatif #Jariah Ilmu.

Kesemua inisiatif operasi utama UiTMCS ini sentiasa dirancang dengan rapi pada setiap awal tahun melalui penganjuran Bengkel Perancangan Strategik UiTMCS yang melibatkan semua Ketua Bahagian dan Ketua Unit UiTMCS. Bengkel ini amat penting bagi memastikan semua KB dan KU mengambil maklum berkenaan tanggungjawab dan peranan bahagian masing-masing. Perancangan program/aktiviti melibatkan inisiatif tersebut dibincang dan dirangka dengan sebaiknya selaras dengan Objektif Strategi UiTM25. Kesemua inisiatif tersebut juga diletakkan dengan petunjuk prestasi operasi bagi memudahkan aspek analisa dilakukan.

Program Retreat Peringkat Bahagian turut dilakukan bagi memastikan keterlibatan semua warga UiTMCS serta untuk memastikan pelaksanaan inisiatif operasi utama berjalan dengan lancar. Jawatankuasa pelaksana ditubuhkan untuk setiap program dan aktiviti UiTMCS. Jawatankuasa pelaksana bertanggungjawab untuk melaksana program mengikut peraturan dan tata cara yang berkuatkuasa di UiTMCS. Sesi mesyuarat dan perbincangan secara berkala diadakan bagi membincangkan status dan perkembangan projek tersebut. Warga UiTMCS yang terlibat dengan program perkongsian ilmu perlu menghantar laporan berkala atau Performance Appraisal bagi memastikan mereka mencapai tahap dan standard yang ditetapkan oleh pihak pengurusan universiti.

Penubuhan jawatankuasa yang berkenaan telah dibuat melibatkan aspek pemantauan semua inisiatif UiTMCS. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada JK Jaringan Negeri (JKJN), JK Penyelidikan Negeri (JPN) dan JK Panel Pembangunan Sumber Manusia. Kesemua jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau program dan aktiviti inisiatif BT UiTMCS. Selain itu, pihak pengurusan UiTMCS juga memastikan program dan aktiviti tersebut dikongsi bersama warga UiTMCS melalui pembentangan dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) bagi memastikan pembudayaan amalan perkongsian kepakaran antara warga UiTMCS. Manakala, bagi program yang melibatkan kolaborasi bersama pihak luar, Jawatankuasa Pemandu Program turut ditubuhkan bagi membincang dan menyelesaikan sebarang isu dan permasalahan yang berlaku. JK ini dianggotai oleh pengurusan tertinggi UiTMCS serta pihak kolaborasi. Pengurusan Risiko turut diberi perhatian untuk memastikan OS UiTM25 tetap berjaya dicapai walau berlaku perkara luar jangka.

Pihak pengurusan UiTMCS sentiasa mengamalkan perkongsian dan analisis data sewaktu penganjuran Retreat Pengurusan untuk penambahbaikan berterusan. Selain itu, program penanda aras turut dijalankan melibatkan sesi perbincangan, bertukar pendapat dan amalan terbaik. Hasil daripada program penanda aras telah diguna pakai untuk penambahbaikan di UiTMCS. UiTMCS turut mengamalkan Good Practices dan Best Practices sebagai usaha

penambahbaikan berterusan. Pembangunan sistem integrasi maklumat seperti MIS dan UiTM Eco Tourism telah membantu melancarkan operasi pengumpulan data–data penting UiTMCS. Inisiatif 3J (Jana, Jimat & Jariah) juga telah membantu UiTMCS menjadi kampus yang sentiasa berusaha membantu pemegang taruh yang terdiri daripada pihak industri, komuniti dan alumni seterusnya memacu UiTM menjadi Universiti Untuk Masyarakat.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kejayaan pelaksanaan Inisiatif Strategik Jaringan Industri & Keusahawanan serta Objektif Strategi (OS) ini adalah disebabkan oleh keberkesanan beberapa proses operasi utama yang diamalkan UiTMCS. Kesemua operasi ini telah ditetapkan dengan petunjuk prestasi tersendiri bagi memastikan kelancarannya. Proses ini diselia oleh pegawai bertanggungjawab di setiap bahagian yang berkenaan dan dipantau oleh Pengurusan Eksekutif UiTMCS. Program utama bagi proses tersebut sentiasa diukur keberkesannya dan pindaan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan proses tersebut kekal relevan dan sentiasa ditambah baik. Proses operasi utama UiTMCS adalah proses kerjasama dengan pihak luar, proses perolehan geran dengan pihak luar dan proses pelantikan warga UiTMCS sebagai pakar penasihat bagi badan profesional (Rujuk Bukti 1). Kesemua proses operasi ini juga telah dinyatakan dengan terperinci di dalam Laporan Tahunan Bahagian PJI bagi memastikan warga UiTMCS memahami dan menjalankan operasi tersebut (Rujuk Bukti 2).

OPERASI 1: #KOLABORASI MANTAP

Operasi pertama adalah proses kerjasama dengan pihak luar yang diselia oleh Unit ICAN, Bahagian PJI. Proses ini juga mendukung OS UiTM25 ke 8 iaitu untuk memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri. Operasi ini merupakan penglibatan pelbagai pihak seperti komuniti, industri, badan profesional dan alumni di dalam program/projek/aktiviti UiTMCS. Kebanyakan program/projek/aktiviti UiTMCS ini juga melibatkan memorandum perjanjian/ persefahaman yang bertujuan melindungi kepentingan semua pihak yang terlibat seterusnya mengurangkan risiko proses operasi tersebut. Bengkel Pemurniaan Perancangan Strategik 2019 - 2020 telah membuat keputusan untuk penstrukturan semula operasi ini daripada Bahagian Pentadbiran UiTMCS kepada Bahagian PJI bagi memastikan kelancaran proses (Rujuk Bukti 3).

OPERASI 2: #JUH ENCARIK GERAN

Operasi kedua adalah proses perolehan geran dengan pihak luar yang diselia oleh RMU. UiTMCS mempunyai reputasi yang baik dalam bidang penyelidikan terutamanya dari segi perolehan geran pihak industri. UiTMCS merupakan kampus yang berkeupayaan menjalankan penyelidikan tanpa bergantung penuh kepada peruntukan kampus induk. Perkara ini disebabkan operasi perolehan geran dengan pihak luar yang efektif dan efisien. Operasi ini sentiasa ditambah baik dan dibincangkan sewaktu Bengkel Pemantapan Dalaman PJI (Rujuk Bukti 4). Operasi ini menyokong OS UiTM25 ke 7 iaitu menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu. UiTMCS sebagai pusat cendekiawan dan mempunyai pakar dalam pelbagai bidang berupaya membantu meningkatkan pengetahuan atau menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pelbagai pihak yang terdiri dari industri, agensi kerajaan/swasta serta badan profesional melalui hasil penyelidikan yang berimpak tinggi. Proses operasi ini juga secara tidak langsung menunjukkan komitmen UiTMCS dalam memantapkan kolaborasi dengan rakan strategi agar harapan UiTM untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025 tercapai.

OPERASI 3: #JARIAH ILMU

Operasi ketiga adalah proses perkongsian ilmu warga UiTMCS di peringkat nasional dan antarabangsa. Proses ini berkait rapat dengan OS UiTM25 yang ke - 9 iaitu menyediakan ekosistem terkehadapan yang kondusif demi kemajuan akademik. Operasi ketiga ini diselia oleh Bahagian Pentadbiran UiTMCS. UiTMCS sememangnya menggalakkan warganya untuk berkongsi khidmat kepakaran kepada agensi atau badan profesional luar di peringkat nasional dan antarabangsa. Malahan, pihak pengurusan juga memberi pembiayaan yang diperlukan jika

memenuhi syarat yang ditetapkan seperti termaktub di dalam pekeliling semasa. Pihak pengurusan UiTMCS yakin program pemindahan ilmu seperti ini telah berjaya meningkatkan ketampakan universiti serta meningkatkan kualiti warga. Operasi ini juga sentiasa diselaraskan bersama pihak kampus induk melalui mesyuarat METIC UiTM (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 6.2 \(INFOGRAFIK, PROSES UTAMA SERTA PI\).pdf](#)
2. [BUKTI 2 6.2 \(LAPORAN TAHUNAN PJI\).pdf](#)
3. [BUKTI 3 6.2 \(KOLABORASI MANTAP\).pdf](#)
4. [BUKTI 4 6.2 \(JUH ENCARIK GERAN\).pdf](#)
5. [BUKTI 5 6.2 \(JARIAH ILMU\).pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kesemua Model PDCA bagi operasi proses utama UiTMCS dapat diringkaskan seperti ditunjukkan dalam Bukti 1. UiTMCS telah mengenal pasti BT yang berkaitan selari dengan OS UiTM25, Sarawak Digital Economy Strategy serta 17 Sustainable Development Goals (SDG) 2030 yang kemudiannya dipadankan dengan kepakaran UiTMCS bagi melaksanakan operasi pertama. Semua BT ini dibincang dan dirancang sewaktu Bengkel Perancangan Strategik UiTMCS yang diadakan pada setiap awal tahun. Seterusnya, UiTMCS mengenal pasti pihak luar yang terdiri daripada industri, badan kerajaan serta komuniti berpotensi untuk berkolaborasi. Pejabat OIA UiTMCS turut dilibatkan jika program tersebut bertaraf antarabangsa. Sesi perbincangan dilakukan bagi mengenal pasti sumber peruntukan serta menentukan objektif dan hala tuju program tersebut (P). Sesi perbincangan serta mesyuarat susulan sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa. JK pelaksana ditubuhkan bagi memastikan kelancaran program yang dirancang dengan menjalankan program tersebut dari penyediaan kertas kerja, pengurusan memorandum dan pelaksanaan program sehingga selesai (D). Permasalahan yang berlaku dilaporkan kepada JK Pemandu Program yang dianggotai oleh pengurusan tertinggi UiTMCS serta pengurusan tertinggi rakan kerjasama bagi mencari penyelesaian dan penambahbaikan. Laporan berkala turut dilakukan bagi memantau status perkembangan projek (C). Setelah tamat program, JK Pelaksana menyediakan laporan penuh program yang merangkumi analisa program, impak program serta maklum balas dan aduan diterima sepanjang pelaksanaan program. Laporan ini dibentangkan kepada JK Pemandu Program. Jawatankuasa ini berkuasa membuat keputusan berkenaan keperluan menjalankan program intervensi/susulan bergantung kepada kejayaan program tersebut (A) (Rujuk Bukti 2).

Model PDCA bagi operasi kedua bermula apabila pihak pengurusan UiTMCS menerima pelawaan untuk menghantar cadangan penyelidikan daripada pihak luar atau tindakan proaktif UiTMCS apabila melihat peluang untuk membantu pihak luar terutamanya industri bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Setelah menerima pelawaan, RMU akan mengeluarkan emel pemakluman kepada para pensyarah berkenaan tawaran penyelidikan tersebut. Pensyarah yang berminat menghantar cadangan kertas kerja kepada RMU untuk disemak dan disokong oleh Rektor sebelum dihantar kepada pihak yang berkenaan. Kertas kerja yang lengkap serta memenuhi kriteria akan dihantar kepada pihak yang berkenaan. Unit RMU juga sentiasa berkongsi maklumat tentang pembukaan geran luar kepada warga UiTMCS bagi memastikan lebih banyak penglibatan warga (P). Kertas kerja yang mendapat kelulusan penaja, MOA ditandatangani bagi memastikan penyelidikan tersebut mencapai objektif serta melindungi kepentingan semua pihak terlibat. Dengan adanya MoA, skor MyRA UiTMCS dapat ditingkatkan (D). Penyelidik juga perlu membuat pelaporan penyelidikan setiap 6 bulan kepada Mesyuarat JK Penyelidikan Negeri (JPN). Selain itu, penyelidikan tersebut juga dipantau melalui pendaftaran di dalam sistem I-RES atau i-CONS UiTM (C). Laporan penuh perlu dihantar kepada RMU dan pihak penaja setelah tamat. Mesyuarat pasca penyelidikan juga dilakukan bagi mengenal pasti dapatan penyelidikan dan mencadangkan program lanjutan yang bersesuaian (A) (Rujuk Bukti 3).

Model PDCA bagi operasi ketiga UiTMCS bermula dengan warga UiTMCS menghantar permohonan kepada Bahagian Pentadbiran sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum bermula. Bahagian HEA/HEP akan memberi ulasan bagi kesemua permohonan yang lengkap dan diluluskan oleh JK Pembangunan Sumber Manusia (P). Sepanjang tempoh berada di industri, warga UiTMCS diberikan petunjuk prestasi bagi memastikan objektif tercapai (D). Mereka perlu menghantar Performance Appraisal dalam tempoh program tersebut kepada pengurusan UiTMCS. Pihak pengurusan memastikan mereka memenuhi standard yang ditetapkan dan surat tunjuk sebab akan diberikan jika seseorang didapati gagal memenuhi aras yang

ditetapkan (C). Mereka perlu melapor diri beserta laporan tamat program setelan selesai. Mereka juga diminta berkongsi kepakaran yang diperolehi bersama warga UiTMCS melalui bengkel/seminar yang diadakan bagi memastikan lebih ramai warga UiTMCS mendapat manfaat melalui proses pemindahan dan perkongsian ilmu (A) (Rujuk Bukti 4).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 6.3 \(INFOGRAFIK, RINGKASAN PDCA\).pdf](#)
2. [BUKTI 2 6.3 \(CARTA ALIR OPERASI 1\).pdf](#)
3. [BUKTI 3 6.3 \(CARTA ALIR OPERASI 2\).pdf](#)
4. [BUKTI 4 6.3 \(CARTA ALIR OPERASI 3\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak pengurusan sentiasa memastikan aktiviti semak dan pantau di dalam semua operasi utama UiTMCS. Perkara ini amat penting dalam memastikan semua operasi membuahkan hasil yang dapat memberikan impak bukan sahaja kepada universiti, malahan kepada komuniti setempat, industri, dan badan profesional. Hasil jangkaan bagi kesemua operasi utama UiTMCS pula dinyatakan dalam jadual dan keratan akhbar (Rujuk Bukti 1).

Pemantauan operasi utama UiTMCS di peringkat dalaman adalah dengan pelaporan kepada pengurusan tertinggi UiTMCS melalui jawatankuasa–jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat UiTMCS. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada JK Jaringan Negeri (JKJN) bagi proses kolaborasi bersama pihak luar, JK Penyelidikan Negeri (JPN) bagi proses perolehan geran dengan pihak luar dan JK Pembangunan Sumber Manusia bagi proses mobiliti warga UiTMCS di peringkat nasional dan antarabangsa. Sekretariat jawatankuasa akan meminta ketua projek yang terlibat untuk melaporkan status semasa projek masing-masing pada sekurang-kurangnya dua kali setahun. Kesemua minit mesyuarat bagi jawatankuasa tersebut juga akan dihantar kepada pihak Pengurusan Induk di Shah Alam untuk pemakluman. Selain itu, bagi memastikan penglibatan semua Jabatan/Bahagian di UiTMCS, Bahagian PJI juga akan membentangkan status projek-projek ini di dalam MPD. Perkara ini bertujuan untuk memperbanyakkan penyertaan warga UiTMCS merentasi Jabatan/Bahagian dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kepakaran warga melalui perkongsian ilmu (Rujuk Bukti 2). Mesyuarat kesemua jawatankuasa tersebut dilakukan secara kerap bagi mengurangkan isu-isu tertangguh dan mempercepatkan perjalanan program (Rujuk Bukti 3).

Manakala untuk proses yang melibatkan perjanjian, semakan pertama perjanjian dilakukan oleh Penasihat Undang-Undang (PUU) UiTMCS. Setelah PUU UiTMCS berpuas hati, semakan kedua dan sokongan untuk menandatangani perjanjian tersebut akan dilakukan oleh Pejabat PUU UiTM (Rujuk Bukti 4). Tatacara ini amat penting bagi memastikan UiTMCS berupaya untuk memantau dan memastikan kesemua projek yang dijalankan oleh warganya adalah selari dengan hasrat universiti.

Pemantauan operasi utama UiTMCS di peringkat luaran pula melibatkan kesemua pemegang taruh bagi projek/program/aktiviti tersebut. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Induk projek yang dianggotai oleh pengurusan tertinggi UiTMCS dan pihak terlibat bertujuan untuk memastikan projek tersebut berjalan dengan baik dan teratur. Sebarang isu melibatkan polisi projek akan dibentangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat Jawatankuasa tersebut. Pihak UiTMCS turut mengambil maklum dan tindakan terhadap semua maklum balas program UiTMCS. Maklum balas tersebut membantu proses operasi utama dapat terus dipertingkatkan dan ditambah baik (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 6.4.1 \(INFOGRAFIK HASIL JANGKAAN PROSES UTAMA\).pdf](#)
2. [BUKTI 2 6.4.1\(PEMANTAUAN DALAMAN\).pdf](#)
3. [BUKTI 3 6.4.1 \(KEKERAPAN MESYUARAT JAWATANKUASA UTAMA UITMCS\).pdf](#)
4. [BUKTI 4 6.4.1\(PEMANTAUAN PPUU\).pdf](#)
5. [BUKTI 5 6.4.1\(PEMANTAUAN LUARAN\).pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCS amat mementingkan pengurusan risiko bagi proses operasi utama kerana tanpanya kampus tidak akan berupaya untuk mencapai objektif strategi yang dirancang jika berlaku sesuatu di luar jangka. Jawatankuasa Pengurusan Risiko di bawah seliaan Bahagian Pentadbiran ditubuhkan bagi memastikan segala risiko berkaitan aspek operasi utama UiTMCS dapat dikawal dan diselia dengan baik. JK ini juga telah berjaya memupuk kesedaran kepada warga UiTMCS berkenaan kepentingan pengurusan risiko yang berkesan dan seterusnya menghasilkan proses kerja yang berhemat, efisien serta efektif.

Pengurusan risiko bagi operasi utama UiTMCS telah dikelaskan kepada tiga (3) tahap iaitu Tahap Rendah, Tahap Sederhana dan Tahap Tinggi. Pengelasan tahap ini ditentukan bergantung kepada kemungkinan kejadian yang tidak diingini dengan jangka masa atau keadaan tertentu dan kesan terhadap pelaksanaan operasi tersebut. Pelan mitigasi turut dirancang dan dilaksanakan secara menyeluruh dalam menangani risiko tersebut. Pengurusan risiko bagi operasi utama UiTMCS diterangkan sepertimana dalam Bukti 1.

Pengurusan risiko tahap rendah iaitu risiko kertas kerja yang tidak lengkap, UiTMCS melalui Bahagian PJI telah menyediakan senarai semak permohonan pendaftaran projek bersama pihak luar dan pendaftaran penyelidikan bagi memastikan kertas kerja yang dihantar adalah lengkap. Selain itu, proses menandatangani MoA/MoU dipusatkan di Bahagian PJI dan tatacara permohonan diedarkan secara berkala kepada warga UiTMCS. Seterusnya, peringatan melalui aplikasi Whatapps juga dibuat sebagai pelan mitigasi bagi risiko proses yang tidak menepati tatacara memorandum perjanjian/persefahaman yang betul (Rujuk Bukti 2).

Pengurusan risiko tahap sederhana iaitu apabila peruntukan dana yang lambat diterima daripada pihak penaja, UiTMCS telah mengambil langkah proaktif dengan memberi pendahuluan projek bergantung kepada kedudukan kewangan semasa kampus dan tahap keperluan bagi projek yang dijalankan. Perkara ini diselia secara langsung oleh Pejabat Bendahari melalui Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Kampus (Rujuk Bukti 3). Langkah proaktif ini dapat mengelakkan daripada risiko projek yang tertanggung.

Pengurusan risiko tahap tinggi iaitu pandemik Covid-19, pihak pengurusan UiTMCS telah melakukan pelan mitigasi dengan arahan agar projek/program/aktiviti bersama pihak luar dijalankan secara dalam talian serta memperbanyakkan penganjuran latihan berbentuk ICT melibatkan semua staf UiTMCS (Rujuk Bukti 4). Langkah ini dapat meningkatkan tahap kompetensi dan keyakinan warga staf UiTMCS berdepan pandemik Covid-19 yang mengganggu pelaksanaan projek.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 6.4.2 \(INFOGRAFIK PENGURUSAN RISIKO UITMCS\).pdf](#)
2. [BUKTI 2 6.4.2 \(PENGURUSAN RISIKO RENDAH\).pdf](#)
3. [BUKTI 3 6.4.2 \(PENGURUSAN RISIKO SEDERHANA\).pdf](#)
4. [BUKTI 4 6.4.2 \(PENGURUSAN RISIKO TINGGI\).pdf](#)

6.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCS sentiasa berusaha memastikan operasi utama berupaya untuk memacu universiti mencapai OS yang ditetapkan serta selari dengan Hala tuju Pendidikan Negara di dalam Malaysia Higher Education Blueprint di samping memenuhi hasrat Kerajaan Sarawak melalui Sarawak Digital Economy Strategy 2018 – 2022. Usaha ini dilaksanakan melalui kajian semula operasi yang sentiasa dilakukan oleh UiTMCS. Pihak pengurusan UiTMCS telah menganjurkan bengkel retreat pada setiap awal tahun. Retreat ini akan membentangkan pencapaian OS UiTMCS serta analisis operasi–operasi yang terlibat. Tindakan diambil di mana operasi yang kurang memberikan impak akan diubah suai mengikut keadaan dan kesesuaian semasa (Rujuk Bukti 1).

Data pencapaian hasil dari kaji semula tersebut dikumpul dan dibawa ke mesyuarat peringkat bahagian masing-masing. Koordinator unit di bawah Bahagian PJI akan membincangkan hasil dan operasi tersebut dengan lebih mendalam serta mencadangkan langkah penambahbaikan yang bersesuaian untuk dilaksanakan (Rujuk Bukti 2).

Program penanda aras terhadap organisasi lain turut diadakan oleh UiTMCS. Penanda aras ini bertujuan untuk mengadakan sesi perbincangan dan bertukar pendapat atau amalan terbaik yang boleh diadaptasi dari organisasi lain. Hasil daripada program penanda aras organisasi tersebut diguna pakai untuk penambahbaikan di UiTMCS. Sebagai contoh, penubuhan Sub–Committee Entiti Kecemerlangan Dalaman UiTMCS adalah hasil perkongsian bersama pihak UiTM Cawangan Melaka (Rujuk Bukti 3).

Pihak pengurusan UiTMCS juga melaksanakan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) pada setiap tahun. Mesyuarat ini membincangkan berkenaan pencapaian Objektif Kualiti, prestasi proses dan ketidakakuran produk, hasil penemuan audit dan agenda lain yang berkaitan. Hasil dari MKSP ini juga telah membantu UiTMCS membuat penambahbaikan secara berterusan di dalam proses utama kampus. Hasil penganalisan tumpuan operasi yang telah dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan dapat membudayakan amalan berkualiti secara berterusan bagi menjamin kelancaran pengurusan kampus serta menjamin keyakinan dan kepuasan hati pihak berkepentingan terhadap keupayaan UiTMCS (Rujuk Bukti 4).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 6.4.3\(RETREAT PENGURUSAN\).pdf](#)
2. [BUKTI 2 6.4.3\(MESYUARAT BAHAGIAN PJI\).pdf](#)
3. [BUKTI 3 6.4.3\(PROGRAM PENANDA ARAS\).pdf](#)
4. [BUKTI 4 6.4.3\(MKSP\).pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCS sentiasa memastikan setiap proses operasinya berupaya mencapai objektif dan inisiatif strategi. Ini dilaksanakan melalui beberapa inovasi yang telah berjaya dibangunkan bagi membentuk Good Practices. Antara inovasi tersebut adalah seperti berikut:

Memorandum Information System (MIS)

UiTMCS telah membangunkan Memorandum Information System (MIS) untuk digunakan oleh seluruh warga UiTMCS. Sistem ini telah berjaya membantu pihak pengurusan UiTMCS menyimpan maklumat dan memantau semua MoA/MoU yang melibatkan UiTMCS dengan pihak luar (Rujuk Bukti 1). Semua laporan ketua projek akan dimuat naik dan disimpan di dalam sistem tersebut. Semua data MoA/MoU UiTMCS dapat diakses dengan lebih mudah dan selamat. Inovasi MIS ini adalah sistem bersepadu yang menambah baik proses dan pemantauan data UiTMCS.

GOOINO

UiTMCS telah membangunkan platform digital yang diberi nama GOOINO bertujuan untuk membantu pengguna mencari produk tempatan berkualiti, seterusnya membantu pengusaha tempatan memasarkan produk mereka. Aplikasi ini memberi fokus kepada komuniti tempatan bagi Kawasan Mukah, Sarawak. Aplikasi ini juga berupaya mempromosi Mukah sebagai salah satu kawasan tarikan pelancong di Borneo. Pembangunan aplikasi ini juga telah mendapat sokongan daripada pihak MARDI dan CRAUN Research Sdn Bhd (Rujuk Bukti 2).

Digital Eco Tourism

Laman web bagi komuniti telah dibangunkan melalui projek DPUB UiTMCS bertujuan untuk mempromosi kawasan-kawasan yang terlibat. Laman web ini juga berupaya menjadi platform e-dagang komuniti. UiTMCS juga membangunkan aplikasi mobil Floating Crab Farming (FCF) yang berupaya merekod serta memantau pengurusan ternakan ketam penduduk setempat (Rujuk Bukti 3).

Selain itu, penambahbaikan berterusan bagi setiap proses operasi UiTMCS juga telah berjaya dilaksana bagi membentuk Best Practice Approach seperti berikut:

Inisiatif 3J (Jimat, Jana & Jariah)

Inisiatif ini merupakan strategi yang diguna pakai oleh UiTMCS bagi memastikan setiap operasi yang dilakukan oleh setiap bahagian berupaya menjana pendapatan kepada kampus serta dapat memberikan impak positif kepada pihak industri, komuniti serta alumni. Inisiatif ini juga selari dengan Amanat Tahun Baru Naib Canselor 2019 iaitu bagi mendapatkan autonomi pengurusan kewangan dan penjana pendapatan (Rujuk Bukti 4).

#Jom IP

Salah satu Best Practice yang diamalkan oleh UiTMCS adalah menitikberatkan harta intelek

bagi produk atau proses untuk melindungi idea kreatif dan inovatif bertujuan mengikat kuasa dan produktiviti UiTMCS. Contohnya, projek STDP merupakan peluang yang dicipta sendiri oleh penyelidik UiTMCS. Hasilnya, proses penyediaan penyelidikan tersebut telah didaftarkan sebagai Harta Intelek dan telah menjadi hak milik UiTMCS. Model yang sama boleh digunakan oleh pihak lain yang berminat dan UiTMCS sebagai pemunya (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 6.5 MIS.pdf](#)
2. [BUKTI 2 6.5 \(GOOINO\).pdf](#)
3. [BUKTI 3 6.5 \(DIGITAL ECOTOURISM-EDITED\).pdf](#)
4. [BUKTI 4 6.5 \(INISIATIF 3J\).pdf](#)
5. [BUKTI 5 6.5 \(IPR\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Dari Perancangan Strategik : Jumlah MoU/ MoA, Geran Penyelidikan UiTMCS, Bilangan komuniti dan Bilangan pelajar yang mengikuti program kolaborasi dengan industri.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pencapaian PS BT adalah berdasarkan pencapaian petunjuk prestasi. Kesan daripada persekitaran operasi yang dinamik terutamanya akibat pandemik Covid 19, memerlukan fleksibiliti dalam pengoperasian projek. Petunjuk prestasi adalah output akhir kepada sesuatu strategi atau inisiatif. Pengukuran pencapaian PS diukur bermula tahun 2016 dengan RMKe-11 UiTM sebagai rujukan utama. PS UiTMCS yang diukur secara holistik melalui pencapaian petunjuk prestasi menunjukkan peningkatan yang konsisten dan melepasi sasaran adalah bukti bahawa PS UiTMCS termasuk BT berada di landasan yang betul.

Dalam konteks pengukuran, hasil seperti petunjuk prestasi kolaborasi yang menghasilkan MoU/MoA, jumlah geran yang diperolehi, perkongsian ilmu dengan industri/komuniti dan bilangan pelajar yang mengikuti program kolaborasi dengan industri merupakan penanda aras keberkesanan strategi dan inisiatif BT. Pencapaian petunjuk prestasi iaitu jumlah MoU/MoA UiTMCS adalah kritikal dalam pengukuran memandangkan ianya adalah asas kepada inisiatif lain BT dan juga inisiatif bahagian lain di universiti. Sejak 2016, BT UiTMCS telah mencapai sasaran yang ditetapkan. MoU/MoA telah melibatkan industri dari luar dan dalam negara dan telah menjadi pemangkin kepada usahasama untuk mendapatkan geran penyelidikan, perkongsian ilmu dengan industri dan komuniti dan penglibatan pelajar melalui program seperti mobiliti.

Sejajar dengan prestasi MoU/MoA, petunjuk prestasi Geran Penyelidikan UiTMCS turut diukur. Kejayaan kolaborasi juga diukur melalui reciprocal komitmen-kewangan. Pendekatan kolaborasi adalah alternatif bagi mengatasi kekangan kewangan bagi tujuan penyelidikan. Sejak 2016, UiTM telah berjaya membuktikan kemampuan kewangan bagi tujuan penyelidikan. Antara kolaborasi yang telah berjaya mendapatkan geran termasuk projek ERASMUS di peringkat antarabangsa, Research Grant Sarawak Research dan Development Council (SRDC) dan Jabatan Mufti Negeri Sarawak. Hasil petunjuk prestasi seperti (i) bilangan komuniti yang menerima/mendapat manfaat daripada projek, (ii) program penyebaran pengetahuan, dan (iii) teknologi penyebaran silang, turut diukur untuk melihat keupayaan BT. Selain itu, ianya turut menterjemahkan hasil kolaborasi ke dalam perkongsian ilmu yang memanfaatkan pihak industri dan komuniti di dalam dan di luar negara. Hasil daripada pengukuran tersebut, prestasi pencapaian BT UiTMCS telah melepasi sasaran ditetapkan sehingga 2020. Keupayaan BT juga dinilai melalui petunjuk prestasi bilangan pelajar yang mengikuti program kolaborasi dengan industri. BT dengan kerjasama dengan bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTMCS berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan sehingga tahun 2020. Bilangan pelajar terlibat dalam jaringan industri melalui program seperti mobiliti, seminar dan inovasi.

Pengukuran perbandingan antara pencapaian kampus dalam sistem juga dilakukan. Tujuan untuk menilai keberkesanan inisiatif-inisiatif yang dijalankan berbanding dengan kampus lain. Perbandingan empat (4) elemen iaitu (i) kolaborasi melalui MoU/MoA, (ii) geran penyelidikan, (iii) perkongsian ilmu, dan (iv) program industri-pelajar, dengan purata pencapaian kampus dilakukan pada tahun 2020. Bagi petunjuk prestasi bilangan komuniti yang menerima manfaat daripada projek atau program dan petunjuk prestasi bilangan pelajar yang mengikuti program kolaborasi dengan industri pencapaian BT UiTMCS adalah sama dengan purata iaitu sebanyak 100 peratus. Manakala, elemen geran penyelidikan, pencapaian UiTMCS adalah tinggi, sebanyak 38 peratus berbanding dengan purata sebanyak 27 peratus. Dari segi MoU/MoA pula, UiTMCS mencatat pencapaian 100 peratus berbanding dengan purata pencapaian

sebanyak 79.5 peratus.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [UiTM Sarawak Hasil Stategi 7.1.2.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [UiTM Sarawak Hasil Stategi 7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [UiTM Sarawak Hasil Stategi 7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [UiTM Sarawak Hasil Stategi 7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Dari Sumber Manusia: Bilangan Staf disangkakan ke Industri, Kepelbagaian Kepakaran dan Pengiktirafan.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCS telah mengambil langkah proaktif dalam menerokai dan menggarap peluang untuk mengadakan kolaborasi bersama industri dalam dan luar negara melalui projek penyelidikan, perundingan, inovasi dan komuniti secara holistik. Ini adalah sejajar dengan objektif strategi UiTM iaitu untuk mengukuhkan pakatan strategik dengan alumni dan industri. Pengurusan sumber manusia yang mantap, telah membuahkan hasil yang membanggakan UiTMCS dari segi pertambahan kepakaran serta pengiktirafan staf UiTMCS di peringkat kerajaan negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Proses pengurusan sumber manusia yang efektif dan efisien berupaya merencanakan kecemerlangan pencapaian UiTMCS dari aspek bilangan staf akademik yang disangkutkan di industri antarabangsa dan tempatan. Keberhasilan ini juga telah dibuktikan daripada pencapaian sasaran bilangan kepelbagaian tenaga kepakaran staf akademik UiTMCS yang berkelayakan PhD dan berkelayakan Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah Kanan. Sasaran bilangan staf akademik UiTMCS yang terlibat sebagai pakar rujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/antarabangsa dimanfaatkan untuk membantu mencambahkan penerokaan ilmu turut tercapai. Kolaborasi staf UiTMCS bersama pihak industri, agensi dan kerajaan negeri juga telah memperlihatkan hasil pencapaian yang membanggakan dengan adanya pengiktirafan staf UiTMCS oleh pihak luar dan juga penyertaan aktif staf UiTMCS dalam pertandingan inovasi.

Pencapaian penglibatan sumber manusia UiTMCS dibuktikan melalui tren peningkatan bilangan staf yang disangkutkan dengan industri bagi tahun 2017-2020. Tren peningkatan juga dapat dilihat pada data bilangan kepakaran staf akademik UiTMCS yang berkelayakan PhD dan setaraf serta peningkatan bilangan staf akademik berkelayakan Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah Kanan. Peluang yang ditawarkan oleh pihak industri serta kepercayaan untuk terus berkolaborasi bersama UiTMCS menyediakan ruang untuk staf memenuhi kriteria kenaikan pangkat tersebut. Amalan pembudayaan kecemerlangan telah juga menunjukkan tren peningkatan bilangan staf dilantik sebagai pakar rujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/antarabangsa. Kolaborasi padu antara UiTMCS dan pihak industri juga telah mengetengahkan kecemerlangan staf UiTMCS melalui peningkatan pengiktirafan dan anugerah yang telah diterima dalam dan luar negara.

UiTMCS menyedari hakikat bahawa perkhidmatan universiti yang telah dan sedang dibangunkan perlu bersifat lestari dan relevan dengan keperluan industri. Oleh itu, pengurusan sumber manusia yang baik adalah penting supaya UiTMCS terus berupaya menyumbang bukan sahaja kepada modal insan bertaraf global tetapi merangkumi industri dan komuniti. Kecemerlangan staf UiTMCS adalah setara dengan universiti tempatan atau antarabangsa. Ini dibuktikan dengan perbandingan pencapaian penglibatan staf sebagai pakar rujuk dan pencapaian produk inovasi antara UiTMCS dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kewibawaan dan komitmen staf UiTMCS juga dapat dibandingkan melalui pencapaian bilangan produk inovasi tahun 2019 antara UiTMCS dan Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia.

Oleh itu, UiTMCS sentiasa memastikan kecemerlangan sumber manusianya melalui amalan konsep berkongsi kepakaran dan melaksanakan perkongsian ilmu kepada pihak industri dan komuniti yang merupakan sebahagian daripada peranan universiti. Walaupun usaha padu ini telah menampakkan hasil kejayaan daripada keberkesanan sumber manusia, namun UiTMCS terus berusaha memperkukuhkan kerjasama strategik universiti - industri, menerusi penganjuran program melibatkan pengemblengan kepakaran yang memberi nilai tambah kepada pembangunan industri.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [HASIL 7 TAHAP.docx \(1\).pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [HASIL 7 TREN.docx \(1\).pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [HASIL 7 PERBANDINGAN.docx.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [HASIL 7 KEPENTINGAN.docx.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Dari Operasi : Projek Jaringan Industri dari MoU dan MoA dan Hasil- hasil dari MoU /MoA

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Proses Operasi UiTMCS sememangnya terbukti keberkesanan dan kecekapannya apabila telah berjaya membantu memacu kecemerlangan kampus. Tiga (3) inisiatif operasi tersebut iaitu Inisiatif #Kolaborasi Mantap, #Juh Encarik Geran dan #Jariah Ilmu telah berjaya memastikan kelancaran keseluruhan program dan projek UiTMCS, memastikan penggunaan sumber yang optimum, dan memastikan Objektif Strategi UiTM25 berjaya dicapai.

Inisiatif #Kolaborasi Mantap telah membantu UiTMCS menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam petunjuk prestasi bilangan memorandum perjanjian/ persefahaman UiTMCS dengan pihak luar apabila berjaya dicapai bagi tahun 2019 dan 2020. Projek UiTMCS bertaraf antarabangsa seperti projek InnoSTRE, SDEC CoE Keylabs, KAIB dan BIHAS adalah bukti bagaimana inisiatif amat berkesan dan secara tidak langsung membantu ketampakan UiTMCS. Tren peningkatan positif juga berjaya dicatatkan bagi inisiatif ini dari tahun 2018 sehingga 2020. Bilangan MoA/MoU UiTMCS sentiasa meningkat dari tahun ke tahun kerana kelancaran dan penambakan berterusan bagi operasi UiTMCS. Perbandingan yang lebih baik juga berjaya ditunjukkan oleh inisiatif operasi UiTMCS ini jika dibandingkan dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain di Malaysia.

Inisiatif #Juh Encarik Geran juga menunjukkan prestasi yang sangat baik. Ini dapat dibuktikan dengan keupayaan UiTMCS untuk mendapatkan geran-geran luar seterusnya tidak bergantung harap kepada geran dalaman universiti. Petunjuk Prestasi tahunan bagi perolehan geran juga berjaya dicapai apabila UiTMCS mula mempraktikkan inisiatif operasi ini dari tahun 2018 sehingga 2020. UiTMCS juga merupakan kampus pertama yang ditawarkan geran antarabangsa iaitu Geran ERASMUS bagi tujuan penyelidikan. Kecemerlangan yang dipamerkan oleh UiTMCS telah menambah kepercayaan kepada ERASMUS untuk terus menyalurkan geran penyelidikan kepada warga UiTMCS sehingga 2021. Perkara ini secara tidak langsung membuktikan kualiti kepakaran yang dimiliki oleh UiTMCS. Di peringkat kebangsaan juga tidak terkecuali apabila UiTMCS merupakan pilihan utama Kerajaan Sarawak untuk melakukan penyelidikan bagi membantu kerajaan negeri menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat melalui penyelidikan, perundingan dan projek komuniti.

Inisiatif #Jariah Ilmu telah memberikan impak yang baik kepada universiti. Sasaran bilangan warga UiTMCS yang terlibat dengan perkongsian kepakaran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah berjaya dicapai dengan jayanya. Program perkongsian kepakaran seperti program mobiliti bersama National Chung Cheng University, Taiwan merupakan inisiatif serampang dua mata kepada UiTMCS kerana UiTMCS bukan sahaja meningkatkan kualiti warganya, malahan berjaya mempromosi UiTMCS sebagai pusat kecemerlangan ilmu yang ulung melalui prestasi dan kualiti yang ditunjukkan oleh warga UiTMCS.

Kesemua Inisiatif Operasi Utama UiTMCS telah membantu meletakkan UiTM dalam senarai Top 1,000 QS World Ranking. Selain itu, inisiatif yang lancar serta teratur ini semenangnya memacu UiTM ke arah penarafan MyRA yang lebih baik serta pendidikan berkualiti untuk mencapai Setara 6 Bintang. Di peringkat kebangsaan, inisiatif proses utama ini juga telah mendokong inspirasi kerajaan negeri Sarawak untuk membangunkan modal insan berkualiti serta membantu dalam pelaksanaan Program Transformasi Luar Bandar (RTP).

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [HASIL 7.3.2 TAHAP \(Sumber Manusia\).docx.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [HASIL 7.3.3 TREN \(Sumber Manusia\).docx.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [HASIL 7.3.4 PERBANDINGAN TANDA ARAS \(Sumber Manusia\).docx.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [HASIL 7.3.5 KEPENTINGAN \(Sumber Manusia\).docx.pdf](#)